

Laporan  
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR  
**AKNC**





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْحِ مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

## 2023

### FAKULTI PENGURUSAN HOTEL & PELANCONGAN JARINGAN INDUSTRI DAN KEUSAHAWANAN

---

**KETUA PTJ :**

NORZUWANA BINTI SUMARJAN

**KETUA UNIT KUALITI :**

ROSMALIZA BINTI MUHAMMAD

**PENYELARAS :**

ROSMALIZA BINTI MUHAMMAD

**PENULIS :**

1. SALAMIAH BINTI A. JAMAL
2. MOHD HAFIZ BIN MOHD HANAFIAH
3. ASLINDA BT MOHD SHAHRIL @ MOHD SIHIR
4. NINA FARISHA BINTI ISA
5. AHMAD FITRI BIN AMIR
6. MOHAMMAD SYAZWAN BIN MOHD
7. MUHAMMAD ALIFF ASYRAFF BIN KAMAL NURZAMAN

8. NOR AZAH BT MUSTAPHA
9. MOHD NOOR ISMAWI BIN ISMAIL
10. MOHD FAEEZ BIN SAIFUL BAKHTIAR
11. SURIATI BINTI OSMAN
12. NUR ZALIKHA BINTI OTHMAN
13. NADIA HANIN BINTI NAZLAN
14. NURFATIHAH BINTI MAZLAN
15. AHMAD ESA BIN ABDUL RAHMAN
16. ZURAINI BT MAT ISSA @ ZAKARIA
17. MUHAMMAD IZZAT BIN ZULKIFLY
18. MOHD ALIFF BIN ABDUL MAJID
19. FARADEWI BEE BINTI A. RAHMAN
20. WAN HAYATI BINTI WAN BUJANG
21. SAIDATUL AFZAN BINTI ABDUL AZIZ
22. ROSMALIZA BINTI MUHAMMAD
23. ROSMALIZA BINTI MUHAMMAD
24. NORAZLINA BINTI MAHAT
25. ZUBAIDAH BINTI MOHD ALI TAN

# **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

## **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) sentiasa mengambil langkah proaktif melalui sistem pengurusan yang berorientasikan kemanusiaan (berasaskan ESI-iDART) dan aspirasi fakulti yang dipacu oleh FIT (*FPHP Inclusiveness & Togetherness*) demi mencapai matlamat UiTM ke arah *Globally Renowned University* pada tahun 2025.

Orientasi FIT meletakkan aspek integriti dan manfaat sejagat sebagai aspek utama yang diangkat dari amalan baik industri dan diterapkan melalui pembentukan organisasi yang positif dan produktif. Skop pengoperasian FPHP sentiasa memastikan elemen industri dan keusahawanan menjadi teras kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Jaringan industri yang mampan telah merangsang aktiviti keusahawanan di kalangan pelajar dan staf dan diterjemahkan melalui kolaborasi aktif dan pendapatan monetari yang direkod.

### Perancangan

Pengurusan Kanan FPHP berhasrat memacu pencapaian fakulti dengan memastikan: (i) kelestarian pencapaian *QS Ranking by Subject* dan, (ii) *Graduate Employability* para graduan FPHP melebihi 90 peratus.

Perancangan strategik fakulti adalah selari dengan kelestarian pencapaian GRU UiTM 2025. Penyelaras Strategik dan Transformasi Universiti (PSTU) FPHP bertindak sebagai moderator bersama pengurusan kanan bekerjasama dengan pemegang taruh industri yang berkepentingan (cth: Kementerian Pelancongan dan Budaya Malaysia, *Tourism Malaysia*, Marriot International, dll) dalam menjayakan perancangan strategiknya. Aktiviti tadbir urus dirancang secara kolaboratif dengan pemegang taruh dan kesemua warga FPHP. Pengurusan Kanan FPHP juga memastikan penglibatan aktif dua hala bersama Pengarah Peneraju KPI UiTM seperti, Pejabat TNC ICAN, TNC P&I dan PNC MASMED.

### Pelaksanaan

Pelaksanaan dirancang dengan rapi melibatkan warga FPHP bagi mengangkat nilai FIT dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Inisiatif berimpak tinggi yang dijalankan bersama tenaga penggerak FPHP termasuk: (i) mengenalpasti kepakaran *subject-matter expert* individu; (ii) *upskilling and reskilling: Train the Trainer (TOT)*, sangkutan kerja bersama industri, kolaborasi industri, pengkongsian ilmu serta aktiviti konsultasi, (iii) pendedahan terkini amalan baik industri melalui program *21-hours with Industry*, (iv) pemerksaan mahasiswa melalui program *University Service Responsibility (USR)*, *volunteerism* dan aktiviti mobiliti pelajar, (v) pembudayaan inovasi dan keusahawanan melalui integrasi kursus wajib FPHP dan penyertaan dalam pertandingan inovasi, kemahiran dan keusahawanan.

### Pemantauan

Aktiviti pemantauan melibatkan laporan dalaman, pemerhatian dan maklum balas pihak berkepentingan. Pengurusan kanan FPHP menjalankan pemantauan menyeluruh melalui pembentangan pencapaian di: (i) Mesyuarat Pengurusan, (ii) MKSP, (iii) *townhall*. *Gap Analysis* dijalankan menerusi pelaporan seriap bahagian bagi memastikan KPI dicapai mengikut garis masa yang ditetapkan. Penilaian semula cabaran dan risiko secara berterusan, meningkatkan strategi selaras dengan keadaan kewangan dan hala tuju UiTM. Pengurusan kanan juga memastikan maklum balas KPI disalurkan ke dalam sistem pelaporan UiTM (cth: SmartICAN, PRIME, MyRA dan IRMIS).

Maklumat kemajuan PI disalurkan secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Jabatan dan *Townhall* yang melibatkan staf akademik, pentadbiran dan sokongan serta pelajar. Intervensi dan modifikasi dilakukan berdasarkan kepada data sedia ada dan maklum balas pemegang taruh.

#### Tindakan Penambahbaikan

Proses penambahbaikan secara intensif membentuk landasan kejayaan FPHP dalam merangka strategi pencapaian melalui maklum balas berkala daripada pemegang taruh. Data daripada sistem *Dashboard Power BI, Happiness Index* serta pembentangan *trend analysis* dikongsikan secara berkala oleh Dekan semasa *Townhall* dan perjumpaan bersama rakan strategik institusi (berMoU) dan industri (berMoU). Pengurusan Kanan FPHP fokus kepada penambahbaikan aspek FIT memastikan kecekapan, kecergasan, dan daya saing ditingkatkan, elemen penting dalam mencapai matlamat yang cemerlang.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### 1.2 PENDEKATAN (tidak melebihi 500 patah perkataan)

Pengurusan Kanan FPHP mengambil pendekatan 'pengurusan berorientasikan manusia' dalam memastikan prestasi warga FPHP. Maka, Objektif Kebersamaan (OK) untuk JI&K dikenalpasti, fokus memperkasa konsep FIT (*FPHP Inclusiveness & Togetherness*). Teras rujukan pendekatan konsep FIT terdiri dari gabungan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 yang menasaskan pendidikan seimbang, kemahiran berfikir dan graduan holistik berciri keusahawanan (**Rujuk 1.2.1 : Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025**), dan Pelan Strategik UiTM 2025 yang menjurus kepada inisiatif FIT. (**Rujuk 1.2.2 : Pelan Strategik UiTM 2025**). Justeru, Pengurusan FPHP menterjemahkan FIT melalui dua teras utama iaitu *University-Industry Smart Partnership*, dan *Hotcatpreneur*.

**Smart Partnership** beraspirasikan kerjasama pintar antara universiti dan industri bagi memainkan peranan penting memajukan perkembangan ilmu pengetahuan dan penerapan aspek keusahawanan dalam pembelajaran dan pengajaran. Bagi mencapai OK, Pengurusan Kanan FPHP telah menggerakkan kolaborasi *Smart Partnership* dengan berkolaborasi bersama pemain industri dunia, dan menambah nilai impak MoU sedia ada.

Kerjasama pihak industri dibina melalui penyelidikan berfokus kepada penyelesaian masalah sedia ada industri. Hasilnya, FPHP berjaya menghasilkan lima artikel berimpak tinggi (**Rujuk 1.2.3 : Laporan Penerbitan TNCPI**). Artikel yang menjuruskan kepada permasalahan industri sebenar berjaya meningkatkan ketampakan FPHP dengan menerima penarafan *QS World Ranking Top 50* berdasarkan atribut reputasi industri dan akademik (**Rujuk 1.2.4 : Laporan QS 2022**).

Kedua, Pengurusan Kanan FPHP menyediakan program latihan khusus yang mengukuhkan kemahiran *employability* graduan FPHP supaya tersedia industri (*industry readiness*). FPHP memperluaskan rangkaian perkongsian dengan industri melalui program *21hours with the Industry* yang melibatkan para profesional (**Rujuk 1.2.5 : Laporan 21 hours with the Industry**) melalui sesi perkongsian ilmu pakar industri, malah, warga FPHP juga mendapat manfaat (**Rujuk 1.2.6 :- Laporan Sangkutan Industri**).

Secara keseluruhan, kerjasama pintar ini membantu FPHP melahirkan graduan dan staf yang lebih dinamik, inovatif, dan berdaya saing.

### Hotcatpreneur

Pengurusan Kanan FPHP menerapkan prinsip aktiviti keusahawanan sebagai peranan utama menjayakan konsep FIT. Kegiatan keusahawanan yang terancang secara bersasar telah mengambil kira impak program kepada kebolehpasaran graduan serta memastikan ia diintegrasikan bersama proses pembelajaran dan penyelidikan di FPHP. Aspek invensi dan inovasi dapat diterapkan hasil kolaborasi dengan rakan strategik MoU/MoA FPHP. Sinergi dengan industri terkemuka memberikan dimensi persekitaran berkualiti yang mendedahkan pelajar kepada *industry best practice* dalam operasi perniagaan industri pembuatan dan perkhidmatan makanan (**Rujuk 1.2.7 : Laporan Program Inovasi**).

Inisiatif *Hotcatpreneur* ini diperluas dengan memberikan kesempatan kepada pelajar untuk mengembangkan bisnes mereka di ruang khas keusahawanan yang disediakan di Cafe Cengkih, FPHP. Kolaborasi antara pelajar dan pensyarah diperluas melalui peningkatan aktiviti inovasi dalam bidang perniagaan makanan (**Rujuk 1.2.8 : Laporan Kelas Memasak**). Pendekatan ini memastikan FPHP menghasilkan graduan kreatif, inovatif yang progresif bukan sekadar sebagai tenaga kerja mahir dan terlatih, malah berupaya mencipta peluang kerja sendiri. Pengurusan Kanan FPHP memastikan konsep FIT bukan sekadar wacana, tetapi realiti

menyokong aspirasi UiTM menghasilkan graduan seimbang dengan keusahawanan yang kompetitif di peringkat global.

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_K01\\_KB02\\_20231\\_1.2.1\\_Ringkasan Eksekutif PPPM 2015-2025.pdf](#)
2. [F0067\\_K01\\_KB02\\_20232\\_1.2.2\\_Pelan Strategik UiTM 2025.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB02\\_20233\\_Aktiviti Penyelidikan dan Inovasi Julai-Sept'22.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB02\\_20234\\_LAPORAN MoU FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN 2020-2023.pdf](#)
5. [F0067\\_K01\\_KB02\\_20235\\_1.2.8 BAKE AND BITES FINAL REPORT.pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa bersedia dan peka terhadap kehendak dan aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Pengurusan Tertinggi UiTM dan pemain industri yang dijadikan teras dalam membantu merangka objektif strategik ke arah memacu kemajuan hala tuju FPHP.

Kaedah kesedaran yang efektif telah dilaksanakan agar penyampaian maklumat berkenaan usaha projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* serta keterlibatan warga FPHP dalam projek bidang tumpuan JI&K dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa memastikan keterlibatan secara langsung mahupun tidak langsung bersama pemegang taruh. Ini bertujuan untuk mengukuhkan perancangan dan kualiti projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*. Kualiti, kredibiliti dan pengalaman rakan strategik berpotensi dinilai secara terperinci melalui sesi perbincangan bersama Dekan FPHP dalam mesyuarat pengurusan bagi pertimbangan serta persetujuan sebelum kerjasama dimeterai secara rasmi (**Rujuk 1.3.1 : Laporan Mesyuarat bersama Industri**). Antara usaha tersebut adalah dengan tadbir urus bersama pemain utama industri dan pembuat polisi serta membuat kunjung hormat bersama Kepimpinan Tertinggi UiTM. Sekaligus, hubungan baik yang mampan dengan pemain industri menjadi teras kepada projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*.

Selaras dengan penglibatan Pengurusan Kanan FPHP dalam mencapai sasaran objektif kualiti, maka penetapan projek utama bidang tumpuan menerusi pendekatan dan perancangan strategik (PS) yang efektif telah disalurkan kepada pemiliknya iaitu PJI melalui Koordinator Keusahawanan (MASMED) dan Koordinator ICAN. Manakala PSTU pula bertindak sebagai penyelar projek inisiatif untuk memantau kelancaran dan menggerakkan bidang tumpuan bagi mencapai sasaran petunjuk prestasi yang telah ditetapkan. Inisiatif ini adalah mengikut ketetapan seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan JI&K yang telah diselarikan dengan Petunjuk Prestasi (PI) (**Rujuk 1.3.2 : Penetapan PI & Pelan Tindakan Strategik JI&K**).

Selari dengan kehendak pemegang taruh, Pengurusan Kanan FPHP seterusnya melaksanakan penyebaran informasi projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* kepada seluruh warga FPHP agar dapat direalisasikan secara kolektif. Antara inisiatif penyebaran informasi tersebut adalah menerusi program dan aktiviti dalaman seperti *Townhall* Amanat Dekan, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Akademik, Program Destini Siswa (PDS) serta mesyuarat kemajuan projek. Selain itu, melalui Koordinator MASMED, program keusahawanan dengan penglibatan pelajar melalui kelab dalaman FPHP telah dilaksanakan bagi memupuk dan menggalakkan pelajar kepada aktiviti keusahawanan (**Rujuk 1.3.3 : Rujuk Pelaporan MKSP**).

Proses penyebaran informasi ini turut dipraktikkan dengan penganjuran inisiatif atau aktiviti pemeraksanaan program. Ia memberi peluang latihan peningkatan pengetahuan dan kemahiran warga FPHP sebagai persediaan awal serta melengkapkan siri penganjuran program *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*. Pengurusan Kanan FPHP turut melaksanakan aktiviti ilmiah bersama pelajar seperti; ceramah, taklimat, seminar dan forum yang berkonsepkan pengurusan kewangan, perkembangan dan cabaran industri, komunikasi dan etika sosial, inovasi serta keterampilan diri demi mempersiapkan pelajar menceburi bidang keusahawanan.

Seterusnya, segala bentuk inisiatif tersebut disebar luas menerusi hebahan berita di media sosial rasmi FPHP seperti hebahan program utama, pelaporan kemajuan dan pelaksanaan mahupun hasil kejayaan FPHP (**Rujuk 1.3.4 : Hebahan Media Sosial Rasmi FPHP**). Justeru itu, ketampakan FPHP di pelbagai peringkat dapat mengangkat kredibiliti serta imej UiTM

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_K01\\_KB03\\_20231\\_Aktiviti ICAN Julai-Sept'22.pdf](#)



2. [F0067\\_K01\\_KB03\\_20232\\_1.3.2 Penetapan PI SAP 2022- Project and KI Mapping Report - highlighted PJI.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB03\\_20233\\_1.3.2 Penetapan PI SAP2022- Project and KI Mapping Report - highlighted PJI.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB03\\_20234\\_1.3.3 Laporan MKSP 2022.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pengurusan Kanan FPHP, telah merangka pelan pemantauan secara menyeluruh atas KPI yang telah ditetapkan. Pemantauan dilaksanakan secara terancang, konsisten, progresif serta berkala agar momentum pelaksanaan lancar. Setiap pemantauan ini disertakan dengan tempoh dan jangkamasa yang bersesuaian agar tindakan dapat membantu aspek pengurusan masa.

Pengurusan Kanan FPHP mengambil berat setiap maklum balas daripada pemegang taruh yang dijadikan sumber kepada proses pemantauan. Ini bertujuan memastikan kualiti penyampaian perkhidmatan dan pelaksanaan program dan gerak kerja projek FPHP sentiasa berjalan lancar. Khusus untuk projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*, pemantauan amat dititik beratkan kerana ia menjadi asas kepada semakan kualiti perjalanan dan kemajuan projek bidang tumpuan. Kaedah utama yang digunakan adalah melalui kaji selidik yang dijalankan berkaitan projek.

Beberapa praktis kaji selidik dan pengumpulan data telah diamalkan di FPHP. Antaranya kajian Indeks Kegembiraan UiTM (**Rujuk 1.4.1.1 : Laporan Happiness index**), kaji selidik Kepuasan Pelanggan, dan Kajian Pengesanan Graduan (**Rujuk 1.4.1.2 : Laporan Graduate Employability**). Selain itu, Sistem Maklumat Analisa Repositori (SMART) (**Rujuk 1.4.1.3 : Laporan PJI**), dan Sistem MyENT (**Rujuk 1.4.1.4 : Laporan MASMED**) digunakan untuk penambahbaikan perkhidmatan, dan penganjuran projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*. Segala data tersebut dijadikan rujukan untuk menghasilkan input yang digunakan dalam perbincangan, mesyuarat atau pembentangan gerak kerja dan kemajuan projek bidang tumpuan.

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa memastikan proses ini berjalan mengikut dasar dalaman dan garis panduan UiTM agar objektif pelan pemantauan terhadap sistem operasi dan pelaksanaan projek dapat dilaksanakan. Antara dasar yang dirujuk adalah Piagam Pelanggan FPHP, Garis Panduan dan Polisi Jaringan Industri UiTM, Dasar Pengurusan Risiko UiTM, dan Dasar Tadbir Urus UiTM.

Bagi menyokong usaha ini, beberapa lantikan pentadbir akademik FPHP (koordinador dan penyelar) telah diperkemaskan di bawah PJI iaitu Koordinator ICAN, Koordinator Keusahawanan (MASMED) di bawah Unit Kualiti dan Unit Pengurusan Risiko, termasuk jawatankuasa program/projek (**Rujuk 1.4.1.5 : Carta Organisasi Unit Pengurusan Risiko FPHP dan Jawatankuasa Program**). Pelantikan ini bertujuan untuk mengurus dan menyalurkan hasil dapatan serta pelaporan berkala kepada Pengurusan Kanan FPHP untuk tindakan pemantauan dari masa ke semasa (**Rujuk 1.4.1.6 : Piagam Lantikan Pentadbir Akademik**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20231\\_DriveFPHP SmartPartnership.pdf](#)
2. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20232\\_Bukti 1.4.1.1 Laporan Happiness Index 2021 dan 2020.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20233\\_1.4.1.2 Laporan Graduate Employability.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20234\\_1.4.1.3 Laporan PJI LAPORAN MoU FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN 2020-2022.pdf](#)
5. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20235\\_Rujuk 1.4.1.4 Laporan MASMED2022 MAKLUMAT PERIHAL KEUSAHAWANAN\\_MAKMUM UiTM FPHP Puncak Alam.xlsx - UiTM.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa memastikan perancangan dan pelaksanaan projek berjalan lancar melalui pemantauan yang efektif. Berpandukan Dasar Pengurusan Risiko UiTM, langkah-langkah mengenalpasti risiko terhadap projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* menggunakan teknik serta strategi analisis mengikut klasifikasi risiko oleh PSTU (**Rujuk 1.4.2.1 : Penetapan PI & Pelan Tindakan Strategik JI&K**). Risiko pengurusan strategik, risiko kewangan dan risiko operasi adalah antara risiko yang dikaitkan dengan Analisis SWOT UiTM. Ini bertujuan meminimakan risiko yang dijangkakan dalam pengoperasian projek. Ia disusuli dengan cadangan penambahbaikan seterusnya menjaga hubungan baik dengan pihak berkepentingan FPHP.

Justeru, beberapa jenis pelaporan risiko melalui pembentangan kemajuan dan pencapaian projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* oleh koordinator, penyelarasa mahupun pengarah projek/program tersebut. Antara jenis pelaporan yang dilazimi oleh Pengurusan Kanan FPHP antaranya adalah seperti Laporan Pencapaian PI Jaringan Industri dan Keusahawanan, Laporan Petunjuk Prestasi (PI), Laporan Status Pencapaian PS (dijana melalui sistem e-PI Drive), Laporan Kepuasan Hati Pelanggan Terhadap Perkhidmatan, *UiTM Happiness Index* dan lain-lain lagi.

Hasil komitmen Pengurusan Kanan FPHP dan sumber manusia yang terlibat dalam proses mengenalpasti risiko, bidang tumpuan berjaya dicapai. Antara contoh risiko projek jaringan industri yang dihadapi oleh ICAN adalah berkenaan dengan kelewatan penyediaan laporan kerana kekurangan maklumat atau data daripada peneraju projek. Manakala bagi risiko projek keusahawanan, Pengurusan Kanan FPHP mendapati terdapat keperluan untuk penambahbaikan sistem merekod pembayaran hasil jualan pada awalnya dilakukan secara manual menerusi akaun peribadi pengelola projek dan hal ini menyumbang kepada risiko pengurusan kewangan tanpa rekod (**Rujuk 1.4.2.2 : Pelaporan Risiko SP**). Oleh itu, Pengurusan Kanan FPHP telah mengambil tindakan proaktif dengan menyelaraskan proses kaji semula dan tindakan penambahbaikan bagi meminimakan risiko tersebut. Hasil proses penilaian risiko ini telah berjaya mengurangkan impak risiko kepada staf dan pelanggan, mengoptima operasi, serta memaksimumkan produktiviti (**Rujuk 1.4.2.3 : Laporan Impak Aktiviti PJI**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20231\\_1.4.2 Laporan Graduate Employability.pdf](#)
2. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20232\\_1.4.2.2 Pelaporan Risiko SP eRMS\\_31122020\\_no\\_rujukan.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20233\\_1.3.2 Penetapan PI SAP2022- Project and KI Mapping Report - highlighted PJI.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20234\\_Rujuk 1.4.2.3 Laporan Impak Aktiviti PJI Keusahawanan.pdf](#)

### 1.4.3 MENGAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa menekankan aspek pencegahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan kecekapan dalam semua perihal pengurusan bagi memastikan kecemerlangan dalam penyampaian operasi dan perkhidmatan serta pelaksanaan projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*. Oleh itu, Pengurusan Kanan FPHP sentiasa memberi penekanan kepada proses pemantauan, kenal pasti risiko, proses kaji semula dan seterusnya tindakan penambahbaikan. Setiap maklumat yang diterima melalui maklumbalas kepuasan pelanggan, pencapaian objektif kualiti, prestasi proses, keputusan pemantauan dan pengukuran projek bidang tumpuan sentiasa diperhalusi oleh Pengurusan Kanan FPHP.

Pihak yang terlibat dalam projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* membentangkan laporan gerak kerja, permasalahan serta kemajuan projek bidang tumpuan masing-masing untuk merangka strategi penambahbaikan bagi meminimakan risiko (**Rujuk 1.4.3.1 : Minit Mesyuarat Pengurusan**). Kaedah ini membolehkan Pengurusan Kanan FPHP memastikan projek bidang tumpuan dilaksanakan mengikut ketetapan garis panduan serta dasar yang ditetapkan UiTM amnya dan FPHP khususnya.

Pengurusan Kanan FPHP telah mengambil beberapa pendekatan yang strategik dalam proses mengkaji semula permasalahan dan kemajuan projek bidang tumpuan secara teliti seterusnya dibincangkan untuk tujuan penambahbaikan. Antara penambahbaikan proaktif yang telah dibuat berkaitan dengan permasalahan risiko bidang tumpuan jaringan industri (projek *Smart Partnership*) adalah mewujudkan GoogleDrive. Ia khusus untuk pendaftaran program/aktiviti bidang tumpuan bagi membolehkan Ketua Projek memuat naik data yang diperlukan dalam Sistem. Penambahbaikan bagi risiko projek *Hotcatpreneur* pula adalah berkaitan dengan saranan Pengurusan Kanan FPHP tentang keperluan pengurusan kewangan hasil jualan yang komprehensif dan direkodkan dalam Tabung Amanah FPHP secara efektif.

Selaras dengan matlamat Pengurusan Kanan FPHP dalam mencapai objektif kualiti dengan risiko yang minima, terdapat juga inisiatif tambahan sokongan yang dijayakan seperti memberi peringatan mesra berkaitan dengan penghantaran pelaporan dan mengeluarkan surat penghargaan kepada penyumbang data dalam usaha mewujudkan budaya pelaporan yang lebih efektif. Selain dari itu, penganjuran program latihan dan juga bengkel hala tuju bidang tumpuan juga merupakan inisiatif penambahbaikan bagi pengurusan risiko yang sistematik.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_1.4.3.1 MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 1 TAHUN 2022 \(1\).pdf](#)
2. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 2 TAHUN 2022\\_ammend.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 3 TAHUN 2022\\_ammend.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20231\\_1.4.3.1 MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 1 TAHUN 2022 \(1\).pdf](#)
5. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20234\\_GOOGLE DRIVE JARINGAN INDUSTRI.pdf](#)
6. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20232\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 2 TAHUN 2022\\_ammend.pdf](#)
7. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20235\\_GD DRIVE KEUSAHAWANAN.pdf](#)
8. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20233\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 3 TAHUN 2022\\_ammend.pdf](#)
9. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20234\\_GOOGLE DRIVE JARINGAN INDUSTRI.pdf](#)
10. [F0067\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20235\\_GD DRIVE KEUSAHAWANAN.pdf](#)



## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Sokongan penuh Pengurusan Kanan FPHP terhadap proses integrasi di antara jabatan dan unit di FPHP sentiasa menjadi keutamaan dalam menggerakkan sumber manusia demi mencapai senarai sasaran objektif kualiti projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*. Integrasi penglibatan warga FPHP telah berjaya menambahbaik sistem operasi dan perkhidmatan melalui kepakaran staf dari pelbagai bidang. Pengurusan Kanan FPHP telah berjaya meningkatkan prestasi dan menaikkan nama UiTM di peringkat global. Ini telah dibuktikan dengan penerimaan apresiasi daripada pihak luar sebagai pengiktirafan kemampuan FPHP. Kewibawaan Pengurusan Kanan FPHP telah berjaya merealisasikan impak projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* (Rujuk 1.5.1 Sijil Penghargaan, 1.5.2 Pencapaian).

Oleh itu, sebagai penghargaan dan pengiktirafan kepada warga FPHP atas usaha dan kecemerlangan yang diperolehi, Pengurusan Kanan FPHP telah menyampaikan pelbagai kategori anugerah pada Anugerah Akademik Fakulti 2022. Pengurusan Kanan dan warga FPHP turut melakar kejayaan dalam menjaga hubungan baik dengan industri apabila turut menerima pencapaian Anugerah Khas PTJ Prihatin 2022 dan Anugerah MeTIC 2022 apabila mendapat Tempat Pertama Kategori Program Alumni Terbaik dan Anugerah *Graduate Employability* melebihi 90% (**Rujuk Penghargaan Anugerah**). Dalam aspek keusahawanan, FPHP menerima Anugerah Pencapaian 100% bagi jumlah kolaborasi bersama agensi luar dan jumlah syarikat terlibat dengan dana *Startup* Keusahawanan.

Pelajar FPHP juga menerima manfaat langsung dari projek *Smart Partnership* yang dijalankan sepanjang tahun 2022. Seramai 16 pelajar telah diserap masuk ke **Hilton Sharjah UAE untuk mengikuti program latihan industri di luar negara secara berbayar**. Selain itu, melalui projek *Hotcatpreneur*, pelajar FPHP juga telah menerima Anugerah Keusahawanan Tempat Kedua dalam pertandingan pitching bersama rakan industri. Hasil ini telah membuktikan bahawa pendekatan, penyebaran dan pembelajaran yang dipraktikkan oleh FPHP mendapat pengiktirafan dunia dan menjadi contoh kepada institusi seangkatan dengannya.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_K01\\_KB05\\_20231\\_DriveFPHP SmartPartnership.pdf](#)
2. [F0067\\_K01\\_KB05\\_20232\\_SIJIL PENGHARGAAN KOLABORASI INDUSTRI.pdf](#)
3. [F0067\\_K01\\_KB05\\_20233\\_SIJIL PENGHARGAAN KEUSAHAWANAN.pdf](#)
4. [F0067\\_K01\\_KB05\\_20234\\_ANUGERAH METIC 2022.pdf](#)
5. [F0067\\_K01\\_KB05\\_20235\\_ANUGERAH METIC KOLABORASI .pdf](#)

## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Konsep FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) dalam memacu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) hasil cetusan Pengurusan Kanan FPHP telah dibudayakan dan dihayati oleh warga fakulti selari dengan pelaksanaan Perancangan Strategik (PS) FPHP 2025. Oleh yang demikian, Pengurusan Kanan FPHP mengenalpasti dua projek arus perdana iaitu *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* sebagai asas operasi fakulti dalam mencapai sasaran PS FPHP 2025. Proses pembangunan PS FPHP 2025 melibatkan input dan maklum balas warga fakulti serta mengambilkira cabaran dan isu yang dihadapi sebelum ini. Justeru itu, PS FPHP 2025 yang diformulasi adalah lebih berinovasi, berdikari dan fokus berpusat kepada peningkatan produktiviti bersasar berdasarkan bidang tumpuan fakulti. Ini dapat dilihat daripada kecemerlangan operasi yang selari dengan KPI GRU UiTM2025.

#### **Perancangan**

Pengurusan Kanan FPHP telah memastikan perancangan projek bidang tumpuan selari dengan objektif dan inisiatif strategik yang menyokong aspirasi KPT, universiti dan keperluan semasa negara. Selain itu, PS FPHP 2025 juga berpandukan Model Hala Tuju Strategik UiTM (GRU UiTM2025). Pemetaan projek bidang tumpuan diselaraskan dengan objektif dan inisiatif strategik GRU UiTM2025 dalam pembentukan struktur PS FPHP 2025. Proses pemetaan ini melibatkan beberapa lapisan pengurusan fakulti. Pemetaan ini bermula dengan perbincangan awal bersama Dekan (Ketua Pengarah), Timbalan Dekan PJI (Pengaroh Program), Koordinator ICAN (Pengurus Projek) dan Koordinator Keusahawanan (Pengurus Projek). Setelah itu, Pengurusan Kanan FPHP melaksanakan bengkel PS bersama warga fakulti dan pemegang taruh yang dikenalpasti terlibat dalam menjalankan projek - projek JI&K tersebut. Input daripada bengkel PS diterjemahkan dalam dokumen *Strategic Action Plan* (SAP) dan dibentangkan kepada warga FPHP semasa *Townhall* di awal tahun.

#### **Pelaksanaan**

Penyebarluasan PS FPHP 2025 melibatkan semua warga (staf akademik, staf pentadbiran, pelajar) dan pemegang taruh (penggiat industri, penggubal polisi dan rakan universiti) fakulti. Pelbagai platform seperti mesyuarat, bengkel/latihan, perasmian majlis/program dan media sosial, lawatan industri dan universiti digunakan untuk aktiviti penyebarluasan PS FPHP 2025. Di samping itu, Pengurusan Kanan FPHP turut membentuk pelan pemantauan kesedaran dan kefahaman warga fakulti berkenaan PS FPHP. Bengkel PS, mesyuarat pengurusan dan soal selidik diguna pakai bagi mendapatkan data projek JI&K dan pelaporan pencapaian projek inisiatif dipantau secara berkala (12 kali). Pembentangan terperinci dari Pengarah Program dan Pengurus Projek bersama Dekan (Ketua Pengarah) dilakukan setiap 6 bulan untuk tindakan pencegahan dan penambahbaikan. Selain analisa data daripada pihak BTU dijana sebagai asas PS FPHP 2025, fakulti juga menjalankan analisa data diperingkat dalaman bagi memastikan tiada kelompongan data berlaku .

#### **Pemantauan**

Pengurusan Kanan FPHP mengambil maklum terdapat beberapa risiko berkaitan dengan bidang tumpuan seperti risiko strategik, kewangan dan operasi. Risiko ini telah dikenalpasti oleh pengarah projek semasa sesi bengkel PS FPHP dan ianya dipantau secara teliti sepanjang proses pelaksanaan projek bidang tumpuan JI&K. Senarai risiko ini dikenalpasti oleh Pengarah Program dan Pengurus Projek melalui 'SWOT' analisis dari panduan dasar berkenaan bidang tumpuan. Proses penilaian risiko yang dibudayakan dalam FPHP telah meminimumkan impak risiko kepada pelanggan, mengoptima tenaga kerja, mengurangkan kos perbelanjaan dan meningkatkan produktiviti. Setiap risiko yang dikenalpasti disusuli cadangan penambahbaikan dan dimajukan kepada Penyelaras Strategik Transformasi Unit (PSTU) dan Pengurusan Kanan FPHP untuk tindakan selanjutnya.





## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Aspirasi FIT FPHP pada tahun 2022 telah dijalankan secara sistematik, difahami dan dihayati oleh seluruh warga fakulti, sekaligus memastikan pelaksanaan PS FPHP 2025 lebih efektif dalam mencapai bidang tumpuan JI&K (**Rujuk 2.2.1 dokumen SAP & KPI PI**).

Membudayakan konsep FIT dalam memacu agenda *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* merupakan agenda utama Pengurusan Kanan FPHP. Pengurusan gerak kerja aktiviti bidang tumpuan JI&K adalah lebih inovatif, kos efektif dan produktif berdasarkan kepakaran warga fakulti. Kolaborasi bersama pihak industri yang sistematik, sokongan sumber manusia yang jitu, dan proses pelaksanaan yang bersasar telah membolehkan agenda *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* direalisasikan dengan jayanya (**Rujuk 2.2.2a Laporan perkongsian dengan industri/laporan/minit proses perancangan strategik**)

Pengurusan Kanan FPHP memastikan perancangan projek bidang tumpuan JI&K selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Tiga Teras Strategi Utama universiti iaitu Teras Strategik (i): Kualiti Pendidikan untuk projek Keusahawanan dan Komuniti; Teras Strategik (ii): Kecemerlangan Global bagi jaringan industri; dan Teras Strategik (iii): Nilai Sinergi untuk projek pengoperasian sumber manusia telah dijadikan tumpuan pencapaian. Justeru itu, Objektif Kebersamaan (OK) dibentuk selari dengan input PS FPHP bagi membentuk program *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur*.

OK PS: pemerkasaan konsep FIT (*FPHP Inclusiveness & Togetherness*) bersama pemegang taruh industri dan keusahawanan untuk menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian kecemerlangan FPHP.

Objektif ini dibentuk bagi mencapai bidang tumpuan jaringan industri (**Rujuk 2.2.3 bukti 3**) dan keusahawanan (**Rujuk 2.2.4 bukti 4**) yang merupakan bidang tumpuan JI&K. OK PS FPHP ini diselarikan dengan Petunjuk Prestasi (PI) yang ditentukan oleh BTU kepada fakulti.

Bagi mencapai OK PS FPHP dalam bidang tumpuan JI&K, Pengurusan Kanan FPHP mengenalpasti projek *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* yang memfokuskan kepada inisiatif jaringan industri serta keusahawanan. Bagi aktiviti jaringan industri, projek *Smart Partnership* dibentuk bagi memusatkan inisiatif jaringan industri kelolaan Koordinator ICAN (Pengurus Projek). Di samping itu, projek *Hotcatpreneur* di bawah kelolaan Koordinatror MASMED (Pengurus Projek) fokus kepada menggembleng aktiviti keusahawanan dikalangan pelajar dan staf fakulti. Semua maklumat berkaitan projek dimuatnaik ke dalam UiTM *Strategic Management System* (UISMS) bagi pemantauan yang lebih sistematik dan berkala oleh Pengurusan Kanan FPHP.

Kesimpulannya, proses PS FPHP yang sistematik adalah berpandukan elemen yang diadaptasi Model PS UiTM 2025 (**Rujuk 2.2.5 bukti 5**). Elemen utama PS FPHP adalah Nilai, Tema PS, Teras PS, Objektif PS, Inisiatif PS, Pelaksana PS dan Matlamat PS. Model ini digunakan untuk mencapai PS JI&K.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_P01\\_PB02\\_20231\\_Master Plan \(SAP\) 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB02\\_20232\\_Master Plan KPI 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB02\\_20233\\_PJI \(bukti bulanan\).pdf](#)
4. [F0067\\_P01\\_PB02\\_20234\\_masmed \(bukti bulanan\).pdf](#)
5. [F0067\\_P01\\_PB02\\_20235\\_Model PS FPHP-baru.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pembentukan OK PS FPHP adalah tertakluk kepada Pelan Strategik UiTM 2025 yang selari dengan Agenda Nasional (Rancangan Malaysia Kedua Belas tahun 2021-2025 (RMK12), Agenda Kementerian Pengajian Tinggi (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia: Pengajian Tinggi) (**Rujuk 2.3.1: PS FPHP 2021-2025**). Bagi memastikan objektif dan inisiatif strategik FPHP difahami dan dihayati oleh seluruh pelanggan FPHP, PS FPHP disebarluaskan kepada seluruh warga FPHP melalui Amanat Dekan yang dijalankan dua kali setahun (**Rujuk 2.3.2: Slides Amanat Dekan 2022**).

Amanat Dekan telah disampaikan dalam sesi Townhall secara fizikal dan maya yang dihadiri oleh semua staf akademik dan staf sokongan, serta para pelajar FPHP (**Rujuk 2.3.3: Minit mesyuarat bersama staf akademik dan staf sokongan; 2.3.4: Laporan perjumpaan Dekan bersama pelajar baru**). Rakaman Amanat Dekan juga telah dimuatnaik dalam *official page Facebook* FPHP bagi tujuan rujukan (**Rujuk 2.3.5: link official page FPHP**). Bagi memastikan aspirasi dan makluman PS FPHP disalurkan secara berkala kepada staf akademik dan para pelajar, pihak Pengurusan Kanan FPHP telah mengamanahkan kepada KPP untuk berkongsi PS FPHP kepada ahli dan pelajar jabatan masing-masing melalui mesyuarat jabatan dan perjumpaan bersama pelajar (**Rujuk 2.3.6: Minit mesyuarat jabatan dan laporan perjumpaan KPP bersama pelajar**).

Projek *Smart Partnership* telah dijalankan melalui aktiviti *21 Hours with the Industry* (**Rujuk 2.3.7: Laporan 21H with Industry 2022**). Aktiviti *21 Hours with the Industry* ini melibatkan sesi pemindahan ilmu oleh penggiat industri utama kepada para pelajar tahun akhir. Aktiviti ini bertujuan untuk meningkatkan kebolehpasaran dan pengetahuan industri terkini dikalangan bakal graduan. Bagi menjayakan aktiviti ini, FPHP telah memeterai sejumlah 24 MOU/MOA bagi tahun 2022 berbanding lima MOU pada tahun sebelumnya. Projek *Smart Partnership* juga telah memantapkan kebolehpasaran pencapaian PS FPHP dan secara tidak langsung memberi pendedahan kepada rakan strategik industri tentang aspirasi dan Agenda UiTM serta fakulti yang selari dengan Agenda Nasional (**Rujuk 2.3.8: Senarai MOU FPHP 2022**). Sesi menandatangani MOU bersama rakan strategik industri berkepentingan tinggi merupakan inisiatif luar kotak Pengurusan Kanan FPHP untuk menyebarkan PS FPHP 2025 dan meningkatkan ketampakan fakulti bukan sahaja di peringkat nasional, malah menjangkau ke persada global. Hasil daripada kolaborasi ini telah membuka platform kebolehpasaran para pelajar fakulti melalui peluang menjalani latihan industri bersama rakan industri berkepentingan tinggi. Sebagai contoh, para pelajar ditempatkan di hotel - hotel terkemuka Malaysia dan antarabangsa (Hotel Hilton Ras Al Khaimah, Dubai) (**Rujuk 2.3.9a: bukti surat rasmi aktiviti kolaborasi bersama industri dan internship pelajar**). Ia juga memberi peluang kepada para pensyarah untuk berkolaborasi bersama penggiat industri melalui aktiviti pembelajaran kolaborasi, penyelidikan dan keusahawanan (**Rujuk 2.3.9b: bukti email antara industri & pendidik**).

Info dari Kriteria 1: Projek *Hotcatpreneur* telah dijalankan melalui kolaborasi dengan rakan industri dalam mewujudkan peluang bagi pelajar untuk terlibat dalam aktiviti perniagaan sebenar yang boleh meningkatkan pemikiran dan kemahiran keusahawanan. Pendekatan ini juga memastikan FPHP menghasilkan graduan kreatif dan inovatif yang progresif bukan sekadar sebagai tenaga kerja mahir dan terlatih, malah berupaya mencipta peluang kerja sendiri berbekalkan ilmu keusahawanan yang dipelajari. Dengan berinovasi melalui keusahawanan, FPHP memastikan konsep FIT bukan sekadar wacana, tetapi realiti yang menyokong aspirasi UiTM untuk menghasilkan graduan seimbang berciri keusahawanan yang kompetitif di peringkat global.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_P01\\_PB03\\_20232\\_2.3.1 On M2020 FPH Strategic Plan 2022 - Surat Dekan FPH.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB03\\_20232\\_2.3.2 Amanat Dekan 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB03\\_20233\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 1 TAHUN 2022 \(1\).pdf](#)
4. [F0067\\_P01\\_PB03\\_20234\\_official fphp townhall.pdf](#)
5. [F0067\\_P01\\_PB03\\_20235\\_Holiday Villa Collaboration Letter.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Setelah pelaksanaan projek bidang tumpuan JI&K dijalankan, proses pemantauan yang sistematik juga dilaksanakan. Pengurusan Kanan FPHP bermesyuarat dengan Penyelaras PS untuk merekod kemajuan pencapaian terkini program (**Rujuk 2.4.1: bukti 1-**). Penyelaras PS membentangkan input terkini yang diperolehi dari sistem UiTM *Strategic Management System* (USMS) yang menunjukkan program yang telah dilaksanakan dan tercapai (**Rujuk 2.4.1b : Siri mesyuarat PS FPHP**). Sebarang penambahbaikan atau cabaran yang dihadapi dibincangkan semasa mesyuarat berkala tersebut.

Bagi pelaporan PS FPHP, Penyelaras PS menggunakan sistem UiSMS bagi pengumpulan data. Sistem ini digunakan oleh BTU dan ia membantu setiap Ketua Projek mendapatkan maklumat aktiviti yang telah dijalankan (**Rujuk 2.4-.bukti 2-**). Pelaporan data dan bukti pencapaian dilaksanakan secara automatik dan inovasi ini memudahkan pelaporan kerana ia adalah maklumat bersepadu yang menggabungkan semua informasi pencapaian terkini PS FPHP.

Kaedah pemantauan PS FPHP dilaksanakan secara berkala (12 kali) oleh Pengurusan Kanan FPHP sebagai rujukan Ketua Unit/Bahagian PS FPHP. Pelaporan pencapaian PS dilaporkan oleh setiap Ketua Unit kepada Koordinator PS sebagai rekod untuk pencapaian terkini. Melalui sistem rekod USMS yang ditunjukkan, butang hijau menandakan aktiviti telah tercapai, butang kuning menyala jika mencapai sebahagian objektif manakala butang merah jika belum mencapai keseluruhan sasaran. Dalam pelaporan tersebut juga menunjukkan peratusan pencapaian yang telah ada dan baki yang perlu dicapai untuk tahun semasa. Ia menjadi panduan kepada Ketua Unit untuk memantau dan menggandakan usaha mendapat kerjasama semua warga FPHP untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20231\\_pengumpulan data.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20232\\_BUKTI 1- email bagi pengumpulan data.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20233\\_PI Achievement Report UiTM 2025 FY2022 - 12 December \(5\).pdf](#)
4. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20234\\_MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP BIL 1 TAHUN 2022 \(1\).pdf](#)
5. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20235\\_2022 Aktiviti Pelajar KEUSAHAWANAN\\_UiTM FPHP Puncak Alam.pdf](#)

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko berkaitan dengan bidang tumpuan adalah risiko operasi, risiko reputasi dan risiko manusia. Risiko ini dikenal pasti oleh ahli projek semasa bengkel PS dilakukan pada setiap tahun. Maklumat risiko ini dipetakan didalam dokumen Pemetaan Risiko (**Rujuk 2.4.1: dokumen bukti 1**). Setiap risiko yang dikenalpasti diikuti dengan cadangan pelan penambahbaikan seperti yang tertera di dalam dokumen SAP SP FPHP.

Bagi program *Smart Partnership* bersama rakan industri, Pengurus Projek mengenalpasti risiko pelaksanaan iaitu terdapat beberapa pihak industri yang belum bersedia untuk bekerjasama atau pihak industri tidak mempunyai perancangan langsung untuk berkolaborasi dengan universiti (**Rujuk 2.4.2 : bukti 2**). Sebagai contoh, pandemik COVID-19 telah menjejaskan industri hospitaliti dan pelancongan negara. Krisis ini mampu menjejaskan peluang untuk menjana hubungan baik dan mengurangkan peluang kolaborasi FPHP dengan industri. Selain itu, krisis ini juga berpotensi untuk menjejaskan operasi pengajaran dan pembelajaran fakulti dalam konteks penempatan pelajar latihan industri dan kebolehpasaran graduan.

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa peka terhadap kesan risiko - risiko yang dijangka dan tidak dijangka sepanjang pelaksanaan projek bermula sehingga projek tersebut selesai. Pengurusan Kanan FPHP juga siap siaga untuk fleksibel dalam pengurusan risiko berpandukan arahan dan peraturan dari Pengurusan Tertinggi UiTM sebagai rujukan. Proses penilaian risiko yang berkala membantu meminimumkan impak risiko kepada pencapaian PS FPHP dan membantu Pengurusan Kanan FPHP menghadapi pelbagai kemungkinan, bertindak pantas mengikut tren aliran semasa, meningkatkan mutu sesi pembelajaran, meningkatkan produktiviti pensyarah, staf sokongan dan kemenjadian pelajar.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20231\\_industri tidak bekerjasama.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20232\\_risiko.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20233\\_surat kolaborasi industri & fakulti.pdf](#)
4. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20234\\_SAP2022- Project and KI Mapping Report - highlighted PJI.pdf](#)
5. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20235\\_LAPORAN MoU FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN 2020-2023 \(1\).pdf](#)

### 2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FPHP mengadakan mesyuarat PS FPHP sebanyak 12 kali sepanjang tahun 2022 bagi memastikan semua Koordinator (Ketua Projek) membentangkan pencapaian dan ia seharusnya seiring dengan hala tuju dan sasaran yang telah ditetapkan di awal tahun. Status pencapaian dan impak projek dibentangkan kepada Pengurusan Kanan FPHP dan projek dengan pencapaian rendah akan diberi perhatian dan dikaji semula untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Antara projek yang diberi perhatian ialah projek *Smart Partnership* yang berisiko tidak dicapai atas isu ketidakstabilan industri pelancongan negara. Selain itu, Pengurus Projek telah mengenalpasti risiko pelaksanaan tambahan iaitu pihak industri yang belum beroperasi sepenuhnya kesan daripada pandemik COVID-19 (**Rujuk 2.4.3a: bukti 1**). Pengurus Projek telah mengenalpasti alternatif rakan industri berkepentingan tinggi seperti Marriott International Malaysia melalui *Hand Holding Strategy*. *Hand Holding Strategy* memfokuskan kepada hubungan dua hala di antara pengurusan hotel bertaraf lima bintang bersama UiTM sebagai penyedia tenaga kerja separa mahir dan mahir. Selain itu, strategi ini juga fokus kepada *win-win situation* di antara pengurusan kanan Marriott International Malaysia bersama tenaga pakar fakulti dalam aktiviti *up-skilling* dan *reskilling* pekerja sedia ada industri perhotelan.

Justeru itu, pada tahun 2022, FPHP telah berjaya menandatangani perjanjian bersama 22 rangkaian hotel Marriott International Malaysia (**Rujuk 2.4.3c: bukti 3**). Antara jenama rangkaian hotel yang terlibat ialah Marriott, Aloft, St Regis dan Four Points by Sheraton. Tindakan ini telah berjaya memaksimumkan hubungan antara pihak industri hotel dan FPHP yang mana bukan sahaja membawa faedah kepada warga FPHP khususnya malah kepada ketampakan universiti umumnya. Pencapaian ini dapat diukur daripada kejayaan fakulti dalam penarafan *QS World Ranking* dalam bidang *Leisure and Hospitality Management* pada tangga ke 42 di dunia untuk tahun 2022. Terdapat peningkatan yang ketara dalam aspek pemarkahan reputasi industri seperti yang dilaporkan oleh *QS World Ranking*. Hasilnya, penarafan UiTM dalam *QS World Ranking by University* meningkat dengan ketara.

Bagi Projek Hotcatpreneur, fakulti menawarkan kursus keusahawanan kepada pelajar terutama bagi kursus Entrepreneurship (ENT) yang membimbing para pelajar dengan memberikan pendedahan awal dengan pelbagai program anjuran MASMED yang memberi peluang pelajar untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan menjana pendapatan. Antara program keusahawanan yang dijalankan seperti Program Memperkasa Graduan ke arah Keusahawanan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20231\\_Senarai Mou Aktif 2019 - 2022 final 1.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20232\\_program keusahawanan.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20233\\_BUKTI 3-dokumen risiko projek industri & keusahawanan.pdf](#)
4. [F0067\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20234\\_TENTATIVE PROGRAM MOU WITH MARRIOT INTERNTAIONAL \(MALAYSIA\) \(1\) \(1\).pdf](#)
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan FPHP akur akan perlunya kerjasama dan komitmen yang tinggi oleh seluruh warga dan pemegang taruh FPHP dalam menjayakan tema PS FPHP, *Inclusiveness & Togetherness* (FIT). Oleh demikian, Pengurusan Kanan FPHP mengambil inisiatif untuk membudayakan FIT dalam perjalanan program bidang tumpuan JI&K yang selaras dengan PS FPHP 2022. Bagi proses pembudayaan FIT, perkongsian PS FPHP 2022 bersama warga FPHP telah dibuat dua kali semasa sesi *Town Hall FPHP* yang diadakan sebelum semester bermula (**Rujuk 2.5.6: Program/Agenda Townhall FPHP**). Sesi ini diadakan sebagai satu platform bagi memberi maklumat kepada warga FPHP berkenaan PS FPHP 2022 dalam bidang JI&K melalui pembentangan oleh Timbalan Dekan PJI FPHP (Ketua Program). Antara maklumat yang disampaikan adalah berkenaan prestasi semasa pencapaian PS FPHP 2022, strategi pencapaian dan kepentingan peranan setiap warga FPHP melalui FIT. *Town Hall FPHP* ini juga memberi peluang kepada warga FPHP untuk membincangkan isu-isu JIK serta cadangan penambahbaikan, dan ini seterusnya memupuk sokongan semua warga FPHP ke arah pencapaian PS FPHP 2022.

Inisiatif pertama bagi proses pembudayaan ialah penganjuran Bengkel PS FPHP 2022 yang melibatkan Pengurusan Kanan FPHP, Koordinator dan pihak berkepentingan (Rujuk 2.5.1: Agenda Program Bengkel Pelan Strategik 2022). Bengkel ini merupakan platform yang penting bagi proses refleksi pencapaian PS JI&K tahun sebelumnya, cadangan penambahbaikan proses dan integrasi maklum balas perbincangan bengkel dalam perancangan PS JI&K tahun semasa. Hasil utama di dalam cadangan penambahbaikan ialah berkenaan penganjuran program JI&K berkualiti, berimpak tinggi dan menepati kriteria pelaporan yang ditetapkan oleh BTU. Bagi memastikan proses pelaporan yang efisien dan penggunaan sumber manusia yang proaktif, inovasi eLaporan JI&K telah diperkenalkan bagi memudahkan Pengurus Projek untuk memuatnaik laporan dan bukti yang diperlukan (**Rujuk 2.5.2: Google Form - eLaporan JI&K**). Dengan inovasi pendigitalan pelaporan ini, ianya telah dapat menyelesaikan masalah pelaporan tanpa bukti dan menjadikan bentuk pelaporan yang lebih standard serta berpusat. Selain itu, program kesedaran berkaitan projek - projek JI&K dianjurkan oleh warga fakulti termasuk oleh persatuan pelajar dan juga keperluan kursus dijalankan. Program kesedaran tersebut memaklumkan jenis - jenis aktiviti yang berimpak tinggi, penglibatan pemegang taruh yang bersesuaian (rakan MoU) serta menekankan elemen pelaporan lengkap bagi membolehkan projek yang dijalankan dikenalpasti sebagai projek berimpak tinggi. Bagi mengatasi masalah ini, penambahbaikan telah dilakukan di dalam senarai semak bagi penghantaran kertas kerja program dimana pemohon perlu memastikan jenis program/aktiviti dan juga kriteria yang perlu dicapai selari dengan PS FPHP 2022 (**Rujuk 2.5.3: Borang Senarai Semak Aktiviti Pelajar**).

Pengurusan Kanan FPHP juga perlu memastikan pembudayaan dalam menjayakan projek bidang tumpuan JI&K yang berkualiti serta mencapai objektif yang holistik. Sebagai contoh, *Program 21 Hours with the Industry* adalah program *signature* JI&K di FPHP. Ia diadakan pada setiap semester yang melibatkan penceramah jemputan/panel dari industri terutamanya rakan strategik MoU, usahawan dan alumni. Tujuan utama program ini adalah bagi memberi pendedahan dan ilmu kepada warga FPHP berkenaan isu-isu dan peluang di dalam industri hospitaliti dan pelancongan, peluang keusahawanan dan pekerjaan kepada pelajar, serta yang paling utama untuk mengeratkan rangkaian ( *networking*) bersama pihak industri dan alumni. Kualiti program ini telah dipertingkatkan berdasarkan Kaji Selidik Keberkesanan Program yang dijalankan diakhir program.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_P01\\_PB05\\_20231\\_2.3.2 Amanat Dekan 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_P01\\_PB05\\_20232\\_ePelaporan JIK - Google Forms.pdf](#)
3. [F0067\\_P01\\_PB05\\_20233\\_2022 Aktiviti Pelajar KEUSAHAWANAN\\_UiTM FPHP Puncak](#)

[Alam.pdf](#)

4. [F0067\\_P01\\_PB05\\_20234\\_2022 Aktiviti Pelajar KEUSAHAWANAN\\_UiTM FPHP Puncak Alam.pdf](#)

5. [F0067\\_P01\\_PB05\\_20235\\_official fphp townhall.pdf](#)



## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) sentiasa memberikan tumpuan kepada maklumbalas pelanggan dan pihak yang berkepentingan bagi tujuan penambahbaikan. Pengurusan Kanan FPHP amat menitikberatkan tumpuan pelanggan yang terdiri daripada pelajar, staf, industri dan komuniti setempat berteraskan konsep FPHP Inclusiveness & Togetherness (FIT). Pengoperasian FPHP sentiasa memastikan elemen industri dan keusahawanan menjadi asas kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran terutamanya melalui projek Smart Partnership dan Hotcatpreneur bagi tujuan meningkatkan ketampakan FPHP di kalangan pelanggan fakulti. Kumpulan sasaran dari bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Pelanggan Utama, Pelanggan Dalaman dan Pelanggan Strategik. Pelanggan Utama melibatkan pelajar, Pelanggan Dalaman merangkumi pensyarah serta staf pentadbiran, manakala Pelanggan Strategik terdiri daripada pihak industri, kementerian, agensi luar, komuniti dan alumni. Melalui pendekatan ini, FPHP bertujuan untuk memperkuatkan hubungan yang kukuh antara pelbagai pihak berkepentingan dan menjadikan pengalaman pelanggan sebagai tonggak utama dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan sumbangan kepada industri pelancongan negara.

##### **3.1.1 Perancangan (Plan)**

Pengurusan Eksekutif FPHP tanpa pernah gagal memastikan Bengkel Perancangan Strategik FPHP dijalankan selari dengan saranan pengurusan tertinggi universiti dan meletakkan sasaran PI untuk dicapai bersama warga FPHP. PI yang ditetapkan oleh universiti dan inisiatif yang dirancang oleh FPHP disampaikan kepada warga dan nilai FIT diterapkan bagi memastikan penglibatan semua warga FPHP.

##### **3.1.2 Pelaksanaan (Do)**

Hasil dari perancangan strategik yang dibuat awal tahun, FPHP telah mengenal pasti beberapa projek jaringan industri dan keusahawanan yang memfokuskan kepada program Smart Partnership bersama industri berkepentingan, pemerksaan mahasiswa melalui program University Service Responsibility (USR) dan *volunteerism* dan aktiviti mobiliti pelajar, pembudayaan aspirasi inovasi dan keusahawanan (Hotcatpreneur). Program-program seperti ini melibatkan pelanggan-pelanggan (pemegang taruh dalam dan luar Fakulti) seperti pelajar, warga FPHP, pihak industri dan juga komuniti.

##### **3.1.3 Pemantauan (Check)**

Proses pemantauan dan maklum balas daripada semua pelanggan dibuat untuk semua projek yang dijalankan melalui analisa data aduan, maklum balas dan tinjauan yang dijalankan. Aduan dan maklum balas yang diterima akan diambil tindakan bagi memastikan tahap kepuasan hati pelanggan dapat ditambah baik dan dipertingkatkan. Tinjauan (survey) dijalankan bagi memastikan objektif program yang dijalankan tercapai dan menilai impak program melalui perspektif pihak berkepentingan (pelajar, warga FPHP, pihak industri dan juga komuniti).

##### **3.1.4 Penambahbaikan (Act)**

Bagi mempertingkatkan tahap maklum balas pelanggan, hasil analisa telah di bentangkan ke Mesyuarat Pengurusan Fakulti dan tindakan penambahbaikan dibincang bersama ketua projek. Pengurusan Eksekutif FPHP juga memandang serius penambahbaikan berterusan ini agar dapat mempertingkatkan lagi tahap kepuashatian pelanggan dikalangan pelajar dan warga FPHP sendiri. Selain itu, Pengurusan Kanan Fakulti sentiasa memastikan ruang penambahbaikan tersedia dan menganjurkan agar pelanggan memberi maklum balas, idea dan aduan melalui sesi townhall bersama warga dan pelaiar Fakulti.



### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasaran dari bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu Pelanggan Utama, Pelanggan Dalam dan Pelanggan Strategik. Pelanggan Utama melibatkan pelajar, Pelanggan Dalam merangkumi pensyarah serta staf pentadbiran, manakala Pelanggan Strategik terdiri daripada pihak industri, kementerian, agensi luar, komuniti dan alumni.

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa menitikberatkan aspek FPHP Inclusiveness & Togetherness (FIT) dalam setiap perancangan program-program yang dijalankan di FPHP. Melalui program Smart Partnership, pelajar FPHP berpeluang menjalani latihan industri dalam bidang perhotelan, pelancongan, restoran, perkhidmatan makanan institusi dan kilang pembuatan makanan di dalam negara bahkan di luar negara (Rujuk 3.2.1 Contoh Senarai Nama Latihan Industri MyMOHES HM241). MOU bersama pihak industri berkepentingan memastikan hubungan erat sentiasa berterusan dengan FPHP dan universiti (Rujuk 3.2.2 Senarai MOU Aktif 2019-2022). Kerjasama erat bersama Pelanggan Strategik memberi peluang terbaik untuk Pelanggan Utama dan Pelanggan Dalam untuk mengukuhkan aktiviti perkongsian ilmu terkini serta kepakaran secara dua hala terutamanya melalui program 21 Hours with the Industry serta aktiviti collaborative teaching (Rujuk 3.2.3 Contoh laporan collaborative teaching bersama pihak industri). Di samping itu, aktiviti pemindahan ilmu (knowledge transfer) oleh pelajar dan pensyarah turut dilaksanakan yang melibatkan kumpulan sasaran Pelanggan Strategik iaitu agensi kerajaan serta komuniti setempat melalui aktiviti University Social Responsibility (USR) dan Knowledge Transfer Program (KTP).

Seterusnya, Pengurusan Kanan FPHP sentiasa mendukung aspirasi Pelan Strategik UiTM 2025 di bawah Tema Strategik 2: Graduan Seimbang & Berciri Keusahawan. Koordinator MASMED FPHP dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti serta memberi bimbingan kepada pelajar serta pensyarah yang berminat dalam aktiviti keusahawan sebagai kumpulan sasaran bagi program Hotcatpreneur. Pensyarah diberikan peluang menjadi mentor kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti keusahawan di peringkat fakulti dan universiti (Rujuk 3.2.4 Senarai jumlah mentor program keusahawanan mahasiswa). Aktiviti akademik turut diterapkan dengan aktiviti keusahawanan melalui jualan produk makanan serta pengendalian operasi restoran, cafe atau kiosk sama ada secara berterusan atau penilaian projek akhir (Rujuk 3.2.5 Contoh Laporan Aktiviti Keusahawanan dalam Program Akademik).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_T01\\_TB02\\_20231\\_3.2.1 Contoh Senarai Nama Latihan Industri MyMOHES HM241.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB02\\_20232\\_3.2.2 Senarai MOU Aktif 2019 - 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB02\\_20233\\_3.2.3 Contoh Laporan Collaborative Teaching.pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB02\\_20234\\_3.2.4 Senarai Jumlah Mentor Program Keusahawanan Mahasiswa.pdf](#)
5. [F0067\\_T01\\_TB02\\_20235\\_3.2.5 Contoh Laporan Aktiviti Keusahawanan dalam Program Akademik.pdf](#)

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan Kanan FPHP iaitu dibawah kawalselia Pejabat TDPJI FPHP bertanggungjawab mengumpul semua data pelanggan untuk tujuan rekod dan menilai tahap pencapaian melibatkan bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan dari semasa ke semasa. Pengumpulan data pelanggan berkaitan jaringan industri diuruskan oleh Koordinator Jaringan Industri, Alumni dan Komuniti, Koordinator Latihan Industri, dan wakil Collaborative Teaching fakulti, manakala data pelanggan berkaitan keusahawanan diuruskan oleh Koordinator Keusahawanan.

Secara asasnya, data-data berkaitan bidang tumpuan perlu dikemaskini dan merujuk kepada dua sumber utama iaitu sumber data UiTM dan sumber data fakulti. Sumber data UiTM merangkumi data berkala secara suku tahunan melalui beberapa sistem iaitu SMART, PRIME, MyRA, NILAM, MyENT, Data Kajian Pengesanan Graduan (KPG), MyMohes, sistem BTU dan Irmis (Rujuk 3.3.1 Senarai Laporan dalam Sistem SMART dan 3.3.2 Senarai Laporan dalam Sistem PRIME). Dalam waktu yang sama, pengumpulan data melibatkan Jaringan Industri dan Keusahawanan di peringkat fakulti juga dikemaskini setiap bulan. Antara jenis data yang direkodkan termasuklah laporan program, projek, aktiviti MOU/MOA/LOI bersama pelanggan strategik, perkongsian kepakaran bersama industri melalui collaborative teaching, latihan industri pelajar, dan senarai pelajar terlibat dalam program “Hotcatpreneur”.

Koordinator-koordinator berkaitan bidang tumpuan membuat penyimpanan data secara digital serta bersistematik di dalam Google Drive iaitu Drive Keusahawanan FPHP dan DrivePJIFPHP agar memudahkan aktiviti menganalisa data, pelaporan kepada pengurusan Bahagian/Univeristi, pemantauan pencapaian KPI, perancangan strategik, dan pengurusan risiko (Rujuk 3.3.3 Drive Keusahawanan FPHP). Contohnya, data keusahawanan perlu disahkan di peringkat fakulti untuk seterusnya dilaporkan dalam mesyuarat bulanan MASMED. Pelaporan berkala ini penting agar pencapaian PI dapat dipantau pihak Pengurusan Kanan FPHP (Rujuk 3.3.4 Surat Tahniah daripada MASMED).

Maklumat kepuasan hati pelanggan turut dikumpulkan bagi tujuan penambakan kualiti perkhidmatan serta mencapai Objektif Kebersamaan (OK). Pelanggan Utama, Pelanggan Dalaman serta Pelanggan Strategik boleh menyalurkan aduan atau cadangan secara atas talian dengan mengisi Google Form melalui laman rasmi FPHP (Rujuk 3.3.5 Borang Aduan dan Maklumbalas Pelanggan). Data ini diselia dan disimpan oleh Koordinator Korporat, Bahagian Pentadbiran, dan Pengurusan Kanan FPHP.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_T01\\_TB03\\_20231\\_3.3.1 Laporan dalam Sistem SMART.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB03\\_20232\\_3.3.2 Laporan dalam Sistem PRIME.pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB03\\_20233\\_3.3.3 DRIVE KEUSAHAWANAN FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB03\\_20234\\_3.3.4 Surat Tahniah daripada MASMED.pdf](#)
5. [F0067\\_T01\\_TB03\\_20235\\_3.3.5 Borang aduan dan maklumbalas.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan dilaksanakan secara berterusan bagi meningkatkan lagi tahap kepuasan hati pelanggan. Ini dapat dilihat ranking QS subject by subject FPHP telah tersenarai dari tahun 2019 hingga sehingga kini dan telah mendapat tempat ke #42 di dunia. (Rujuk 3.4.1.1 Poster QS World Ranking by Subject). Pencapaian membanggakan ini adalah hasil kerjasama dan usaha warga fakulti bagi meningkat imej fakulti dan juga universiti di mata pemain global.

Dibawah Pejabat TDPJI FPHP telah menfokuskan kepada program Smart Partnership bersama industri berkepentingan. Kolaborasi ini dimetrai melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak industri iaitu pelanggan strategik fakulti. Untuk tahun 2022 pihak FPHP telah menandatangani MoU dengan 24 industri **(Rujuk 3.4.1.2 Senarai MoU 2022)**. Setiap MoU dipantau dengan rapat dan dibawah pemantauan terus Koordinator ICAN **(Rujuk 3.4.1.3 Laporan MoU)**.

Selain memperkukuhkan hubungan dengan industri melalui MoU, FPHP dibawah kendalian Pejabat TDPJI juga menjalankan Program *21 Hours with the Industry* dimana program ini memainkan peranan penting untuk membantu para pelajar tahun akhir dalam memberi mereka pendedahan awal tentan industri pelancongan dan hospitaliti. Program ini mendapat sambutan maklum balas positif dari pelajar dan panel yang dijemput. Bagi tahun 2022 sebanyak sembilan (9) sesi webinar 21 Hours with the Industry dan sertai lebih 2476 peserta dikalangan pelajar FPHP. **(Rujuk 3.4.1.4 Contoh Laporan Program 21 Hours with the Industry)**

Pelanggan utama fakulti iaitu para pelajar tidak didedahkan kepada pihak industri sahaja, mereka juga didedahkan dengan program-program keusahawanan dimana para pelajar yang berminat dalam aktiviti keusahawan diberikan peluang untuk untuk menjalankan aktiviti keusahawan di peringkat fakulti dan universiti. Program yang dijenamakan sebagai Hotcatpreneur ini membolehkan pensyarah dijadikan sebagai mentor kepada pelajar dengan mengajar secara pratikal berkenaan keusahawanan dari tahap perancangan sehingga perniagaan sebenar dijalankan. Contoh program keusahawanan seperti Bake & Bite pada tahun 2022 memberi peluang kepada pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan dan menginovasikan produk pastri yang terkini. Majoriti para pelajar yang terlibat sangat berpuas hati kerana hasil produk yang dihasilkan oleh mereka habis dijual dan mendapat respon positif dari pembeli dikalangan staf fakulti dan juga staf fakulti lain **(Rujuk 3.4.1.5 Laporan Program Bake & Bite 2022)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20231\\_3.4.1.1 Poster QS World Ranking by Subject.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20232\\_3.4.1.2 Senarai MoU 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20233\\_3.4.1.3 Laporan MoU.pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20234\\_3.4.1.4 Contoh Laporan Program 21 Hours with the Industry.pdf](#)
5. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20235\\_3.4.1.5 Laporan Program Bake & Bite 2022.pdf](#)

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

FPHP terdedah kepada pelbagai ancaman serta isu yang boleh menyebabkan fakulti gagal untuk mencapai visi menjadi fakulti yang unggul. Oleh itu, ketidakpastian yang berpunca daripada perkara-perkara melibatkan isu, proses kerja, peristiwa atau kesan risiko perlulah diurus dengan sebaiknya agar kelangsungan kecemerlangan fakulti dapat diteruskan. Pengurusan risiko di FPHP menggunakan tatacara pengoperasian pengurusan risiko UiTM seperti yang telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM (**Rujuk 3.4.2.1 Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTM**). Perkara pertama dalam proses pengurusan risiko memerlukan ketetapan konteks dan skop risiko, ia perlu dinilai faktor-faktor risiko tersebut secara dalaman dan luaran. Di FPHP, risiko dalaman terdiri daripada pelajar dan staf dan risiko luaran pula adalah pihak industri, alumni dan komuniti. Antara isu yang timbul adalah berkenaan pelanggan tidak mengetahui saluran aduan rasmi untuk disampaikan kepada pihak pengurusan. Ini terjadi kerana informasi tidak sampai kepada pelanggan dan hebahan saluran aduan tidak dibuat secara menyeluruh.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20231\\_3.4.2.1 Carta Alir Pengoperasian Pengurusan Risiko UiTM.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20232\\_SAP PENDAFTAR 2022 \(1\)- risiko .pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20233\\_SAP2022- Project and KI Mapping Report - highlighted PJI.pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20234\\_SAP faculty 2022 PJI \(1\)-risiko.pdf](#)
5. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20235\\_SAP faculty 2022 MASMED -risiko.pdf](#)

### 3.4.3 MENGENALPASTI PERLUH DİKAWAL BAGI MENENTUKAN TINDAK BALAS TERBAIK DALAM MEMBANGUNKAN PELAN MITIGASI & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Risiko yang telah dikenalpasti perlulah dikawal bagi menentukan tindak balas terbaik dalam membangunkan pelan mitigasi. Sehubungan dengan itu, pihak FPHP memberi ruang kepada pelanggan dengan membuat aduan melalui pautan dengan mengimbas kod QR. **(Rujuk 3.4.3.1 Salinan kod QR Maklum Balas Pelanggan FPHP)**. Bagi memastikan saluran maklum balas pelanggan ini diketahui oleh pelanggan dalam fakulti, pengurusan Kanan FPHP telah mencadangkan kod QR ini diletakkan di kaunter-kaunter strategik di fakulti, di papan-papan notis serta di lif. Maklum balas pelanggan ini dianalisa bagi tujuan pelaporan dan penambahbaikan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20231\\_3.4.3.1 Salinan kod QR Maklum Balas Pelanggan FPHP.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20232\\_BUKTI 3-dokumen risiko projek industri & keusahawanan.pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20233\\_SAP PENDAFTAR 2022 \(1\).pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20234\\_SAP PENDAFTAR 2022 \(1\)- risiko .pdf](#)
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Segala usaha warga fakulti pada tahun 2022 secara konsisten telah memberi penumpuan terhadap pelanggan berteraskan FIT dengan matlamat memastikan kemenjadian graduan UiTM yang seimbang dan bercirikan keusahawan selari dengan Pelan Strategik UiTM 2025. Hubungan erat bersama rakan strategik di kalangan pihak industri telah berjaya meningkatkan peluang kerjaya kepada pelajar melalui program 21 hours with the Industry. Konsep kebersamaan yang mantap dengan pihak industri, sama ada agensi kerajaan atau swasta, turut memastikan para pelajar selaku Pelanggan Utama dapat menimba ilmu dan pengalaman melalui penempatan latihan industri (**Rujuk 3.5.2 Laporan MKSP FPHP PJI**). Ini terbukti melalui peningkatan peratus kebolehpasaran graduan FPHP bagi tahun 2022 iaitu 86.4 peratus berbanding 66% pada tahun sebelumnya. Hasilnya, FPHP telah menerima anugerah GE melebihi 90% daripada Pejabat TNC ICAN pada tahun 2022 (**Rujuk 3.5.1 Statistik Kebolehpasaran Graduan dan Anugerah dari TNC ICAN 2022**).

Di samping itu, program-program berasaskan keusahawanan dirancang dengan teliti bersama seluruh warga fakulti dan dilaksanakan secara berterusan. Pengurusan Kanan FPHP sentiasa menyokong aktiviti keushawanan agar pelajar-pelajar yang berpotensi serta berminat ke arah keusahawanan diberikan bimbingan untuk menjual produk di Rak Keusahawanan fakulti bahkan menyertai pertandingan berbentuk *product pitching* di peringkat fakulti, universiti dan kebangsaan. Hasilnya, di bawah program Hotcatpreneur, sejumlah 52 orang pelajar telah mendaftarkan diri untuk menjalankan aktiviti di dalam kampus (**Rujuk 3.5.3 Senarai Pelajar Hotcatpreneur 2023**). Pada 11 Oktober 2022, FPHP turut berbangga apabila Nurul Izzah Natasha Bt Mohd Anuar iaitu pelajar semester 2 dari program HM245 - Sarjana Muda Sains (Kepujian) Pengurusan Seni Kuliner telah berjaya memperoleh pembiayaan modal awal sebanyak RM 3,000 dari Bank Rakyat melalui penyertaan program Unipreneur Bank Rakyat (**Rujuk 3.5.4 Senarai Aktiviti Keusahawanan 2022**). Segala usaha gigih serta komitmen FPHP dalam bidang keusahawanan membuahkan hasil serta menjurus kepada pencapaian 100% untuk tiga PI utama keusahawanan bagi tahun 2022 (**Rujuk 3.5.5 Sijil Penghargaan Pencapaian Keusahawanan**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_T01\\_TB05\\_20231\\_3.5.1 Statistik Kebolehpasaran Graduan dan Anugerah dari TNC ICAN 2022\\_compressed.pdf](#)
2. [F0067\\_T01\\_TB05\\_20232\\_3.5.2 LAPORAN MKSP FPHP 2022 PJI.pdf](#)
3. [F0067\\_T01\\_TB05\\_20233\\_3.5.3 Senarai Pelajar Mendaftar Hotcatpreneur 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_T01\\_TB05\\_20234\\_3.5.4 Senarai Aktiviti Keusahawanan 2022.pdf](#)
5. [F0067\\_T01\\_TB05\\_20235\\_3.5.5 Sijil Penghargaan Pencapaian Keusahawanan 2022.pdf](#)



## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Salah satu daripada 10 lonjakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Tinggi Malaysia 2015-2025 adalah bertujuan untuk melahirkan graduan yang holistik berciri keusahawanan dan seimbang. Berpaksikan ciri tersebut, Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) melalui PI utama iaitu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) telah memperkasa usaha untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi pasaran kerja, selari dengan Pelan Strategik (PS) UiTM 2025. Pelan strategik tersebut yang turut memfokuskan kepada perkongsian pintar bersama pihak industri, komuniti dan alumni telah memacu arah tuju kecemerlangan FPHP melalui perencanaan aktiviti berimpak sepanjang tahun 2022.

#### **Perancangan**

Perancangan aktiviti di FPHP bagi tahun 2022 adalah berdasarkan objektif strategik bagi JI&K yang mendokong aspirasi PS UiTM 2025. Pada asasnya, FPHP telah memberi keutamaan kepada pemerkasaan jaringan strategik bersama industri yang diyakini dapat membantu usaha bagi melahirkan graduan berciri keusahawanan dan seimbang yang mampu bersaing di peringkat lokal dan global. FPHP juga telah menetapkan objektif kebersamaan (OK) yang memperincikan strategi generik sepertimana digariskan di dalam PS UiTM 2025:

OK: Memperkasa FIT (*FPHP Inclusiveness & Togetherness*) pemegang taruh dalam JI&K untuk menjamin kebolehpasaran serta kelestarian kecemerlangan FPHP.

Pihak pengurusan atasan FPHP telah memutuskan pengukuran dan pemantauan pencapaian JI&K adalah melalui Petunjuk Prestasi (PI) UiTM kepada fakulti, objektif kualiti FPHP serta tahap kepuasan pelanggan yang diperolehi fakulti. Keputusan penetapan pengukuran ini akan mendapatkan segala maklumat dari semua bahagian, jabatan dan pelanggan selari dengan nilai FIT yang diterapkan.

#### **Pelaksanaan**

Semua data yang dikumpulkan bagi keperluan pengukuran dan pemantauan JI&K dinilai oleh pegawai bertanggungjawab dari setiap bahagian dan jabatan mengikut *portfolio* masing-masing. Pembudayaan nilai FIT dalam usaha ini dapat dilihat melalui kerjasama dan tanggungjawab setiap bahagian dan jabatan yang saling bergantung di antara satu sama lain. Usaha pengumpulan dan analisa data bagi tujuan pelaporan dilakukan oleh Penyelaras PSTU, Penyelaras MASMED dan koordinator ICAN. Pengurusan Kanan FPHP perlu mengesahkan laporan tersebut sebelum di salurkan kepada pihak BTU.

#### **Pemantauan**

Segala dapatan analisa dari setiap pegawai bertanggungjawab di laporkan dalam Mesyuarat Pengurusan fakulti untuk tujuan pemantauan dan perbincangan permasalahan yang timbul. Mesyuarat bersama Pengurusan Kanan FPHP ini merupakan platform terbaik untuk membincangkan masalah yang berlaku, risiko, tindakan pencegahan serta cadangan dan tindakan yang diperlukan bagi tujuan kawalan risiko dan penambahbaikan.

#### **Penambahbaikan**

Antara penambahbaikan yang dititikberatkan adalah proses pengumpulan data secara efisien dari semua bahagian untuk kemudahan menjalankan analisa dan pemantauan tahun 2022. Walaubagaimanapun, satu sistem pengkalan data integrasi yang boleh diakses untuk semua warga FPHP menjadi keutamaan bagi tahun 2023. Jawantankuasa Pemerkasaan Korporat Fakulti juga telah ditubuhkan untuk meperkasakan usaha ketampakan dan pemakluman program JI&K melalui dua platform utama di media sosial; laman rasmi Facebook dan Instagram.



## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pengurusan Kanan FPHP mengukur tahap pencapaian bagi bidang Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) berdasarkan dua (2) objektif utama iaitu:

1. Meningkatkan kerjasama strategik bersama penggiat industri bagi tujuan ketampakan.
2. Melahirkan graduan yang cemerlang dan berdaya saing dalam bidang keusahawanan di peringkat global.

Pencapaian bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) diukur bermula semasa program Bengkel Perancangan Strategik FPHP yang dilaksanakan pada awal tahun. Penanda aras yang dirujuk bagi pengukuran pencapaian adalah:

1. Petunjuk prestasi (PI) yang ditetapkan oleh BTU, UiTM kepada FPHP.
2. Tahap kualiti peserta yang menyertai program JI&K.

PI yang ditetapkan bagi Pengurusan FPHP berkenaan jaringan industri dan keusahawanan adalah:

1. Jumlah alumni berjaya menjadi pengusaha
2. Jumlah pelajar yang menjalani pengalaman industri di syarikat multinasional
3. Jumlah pelajar yang menjalani pengalaman industri di Syarikat utama 2000 (berdasarkan Forbes 2000)
4. Peratusan pelajar sarjana muda yang bekerja
5. Peratusan pelajar dalam keusahawanan semasa belajar
6. Jumlah pensyarah pakar dalam keusahawanan
7. Jumlah pelajar yang menyertai dalam pertandingan keusahawanan dan inovasi
8. Jumlah syarikat memberi dana keusahawanan kepada pelajar
9. Jumlah MoU/MoA bersama syarikat terkenal antarabangsa
10. Jumlah MoU/MoA bersama syarikat tempatan
11. Jumlah program *University Social Responsibility (USR)*
12. Jumlah program pemindahan ilmu
13. Jumlah kewangan diterima bagi program USR dan pemindahan ilmu
14. Jumlah kewangan dibelanjakan bagi program USR dan pemindahan ilmu
15. Jumlah komuniti yang menerima faedah bagi program USR dan pemindahan ilmu
16. Jumlah program perkhidmatan kepakaran alumni

Tahap kepuasan peserta

1. Tahap kepuasan peserta berkenaan program dan aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan.
2. *Happiness Index FPHP*

Pada dasarnya, penetapan pengukuran pencapaian JI&K dilaksanakan secara berterusan dengan kerjasama semua pihak di FPHP. Ini memperlihatkan semangat warga FPHP menerapkan nilai *FPHP Inclusiveness & Togetherness (FIT)* dalam memastikan semua PI yang ditetapkan oleh UiTM berjaya dicapai setiap tahun.

Keberkesanan program dipantau melalui kaji selidik, senarai semak program USR dan KTP serta ePelaporan JI&K dijadikan sebagai penanda aras bagi FPHP terus cemerlang dalam pelaksanaan program atau aktiviti.

**(rujuk 4.2.1: PI Jaringan Industri dan Keusahawanan FPHP 2022)**

**(rujuk 4.2.2: Jemputan menghadiri program Perancangan Strategik FPHP 2022)**

**(rujuk 4.2.3: Kaji Selidik Keberkesanan Program FPHP 2022)**

(rujuk 4.2.4: Happiness Index FPHP 2022)

**SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_A01\\_AB02\\_20231\\_4.2.1 PI Jaringan Industri dan Penyelidikan 2022 oleh BTU.pdf](#)
2. [F0067\\_A01\\_AB02\\_20232\\_4.2.2 Surat Jemputan Bengkel Pelan Tindakan Strategik 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_A01\\_AB02\\_20233\\_4.2.3 Kaji Selidik Keberkesanan Program 21 Hours with the Industry.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB02\\_20234\\_4.2.4 Happiness Index FPHP 2022.pdf](#)

### 4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Seperti yang telah dinyatakan di dalam aspek pendekatan (4.2), fakulti telah menggunakan jumlah jalinan persefahaman (MOU), aktiviti-aktiviti bersama industri dan rakan MoU, keusahawanan dan juga jumlah aktiviti penyelidikan dan konsultansi sepanjang tahun 2022 sebagai bukti keberkesanan FPHP Inclusiveness & Togetherness dalam mencapai Objektif Kebersamaan (OK).

Bagi membuat penilaian dan ukuran untuk bidang tumpuan, FPHP telah menggunakan data yang terkumpul daripada pelbagai sumber. Secara khususnya berikut adalah sumber-sumber data yang digunakan bagi setiap bidang tumpuan.

#### 1. Sumber data UiTM – setiap suku tahunan

- Data SMART
- Data PRIME
- Data MyRA
- Data NILAM
- Data MyENT
- Data Kajian Pengesanan Graduan (KPG)
- Data MyMohes
- Data dari sistem BTU
- Data dari Irmis

#### 1. Sumber data Fakulti

- Laporan program / projek / aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan – setiap bulan

#### 1. MoU/MoA/LOI bersama penggiat industri

#### 2. Perkongsian kepakaran bersama industri

#### 3. Sumbangan / Penajaan dari industri

#### 4. Latihan Industri pelajar

#### 5. Komuniti

#### 6. Alumni

#### 7. Data Hotcatspreneur

#### 8. Laporan Grant Penyelidikan Dalaman VRGS FPHP

#### 9. Data Kewangan Bendahari FPHP

- Laporan MKSP – setahun sekali

Bagi pengumpulan data ini, FPHP telah memantau pencapaian secara berperingkat pada setiap

secara atas talian. Bagi program Jaringan Industri seperti 21 Hours with the Industry, fakulti telah menyediakan senarai semak pelaporan dan penarafan bintang program USR dan Pemindahan Ilmu di bawah Community & U berdasarkan keperluan sistem PRIME agar setiap program dilaksanakan menghasilkan impak yang tinggi. Fakulti juga telah mengadakan sesi taklimat semasa Program Destini Siswa (PDS) kepada semua pelajar dan pensyarah bagi pelaporan program USR dan KTP bersama industri bagi memastikan semua maklumat disampaikan sejak awal semester.

#### **(rujuk 4.3.1: Senarai Semak Program USR dan KTP FPHP)**

Bagi pengumpulan data keusahawanan, sesi taklimat keusahawanan Hotcatspreneur semasa PDS telah dilaksanakan bagi menarik minat pelajar dalam keusahawanan. Disamping itu, data keusahawanan juga diperolehi semasa pertandingan keusahawanan dan inovasi yang dilaksanakan oleh fakulti setiap semester (dua kali setahun). Data perlu disahkan oleh fakulti melalui MASMED pada setiap bulan. Mesyuarat bersama MASMED diadakan setiap bulan untuk melihat trend dan pencapaian semasa projek keusahawanan pelajar.

#### **(rujuk 4.3.2: Senarai data keusahawanan FPHP)**

Melalui geran penyelidikan dalaman VRGS, fakulti memastikan semua pensyarah atau pemohon untuk melibatkan penggiat industri sebagai penyelidik bersama. Sesi taklimat tatacara permohonan dan pemantauan pencapaian fakulti secara atas talian diadakan secara berkala (setiap suku tahunan).

#### **(rujuk 4.3.3: Contoh borang permohonan geran dalam VRGS)**

Fakulti juga sentiasa memastikan para pelajar menjalani latihan industri di organisasi ternama berstatus korporat dan rakan kolaborasi sebagai salah satu aktiviti di bawah MoU. Pelaporan latihan industri juga direkodkan di dalam MyMohes SMART setiap semester.

#### **(rujuk 4.3.4: Borang MyMohes Latihan Industri Pelajar FPHP)**

Kaedah analisis penilaian yang digunakan sebagai kayu pengukur adalah:

1. Analisa trend pencapaian sasaran MoU aktif FPHP setiap tahun 2019 – 2022
2. Analisa trend penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan

#### **(Rujuk 4.3.5: analisa senarai MoU FPHP 2019 – 2022 dan analisa penglibatan Keusahawanan dan Inovasi pelajar FPHP 2022)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_A01\\_AB03\\_20231\\_4.3.1 SENARAI SEMAK PROGRAM USR KTP FPHP.pdf](#)
2. [F0067\\_A01\\_AB03\\_20232\\_4.3.2 SENARAI DATA KEUSAHAWANAN HOTCATSPRENEUR 2022 .pdf](#)
3. [F0067\\_A01\\_AB03\\_20233\\_4.3.3 Contoh FPHP VRGS Application Form 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB03\\_20234\\_4.3.4 Contoh HM241 MyMOHES FPHP Format D20\\_LI\\_18112021.pdf](#)
5. [F0067\\_A01\\_AB03\\_20235\\_4.3.5 Analisa trend pencapaian sasaran MoU aktif FPHP setiap tahun 2019 – 2022 dan keusahawanan FPHP 2022.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Setiap bahagian utama di FPHP terlibat secara inklusif berganding bahu membantu Unit Penyelidikan, Jaringan Industri & Masyarakat dalam proses penganalisaan data bagi keberkesanan dan pencapaian bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) fakulti.

Secara khususnya, individu yang terlibat dan bertanggungjawab dalam proses analisa dan penyediaan laporan pencapaian prestasi adalah di kalangan pentadbir FPHP iaitu Pejabat TDPJI, *Ranking Champion*, Koordinator MASMED, Koordinator ICAN, Koordinator P&I, Peneraju MOU, Pensyarah dan warga pentadbiran.

Hasil analisa data dan pelaporan yang diperolehi dibentangkan dalam mesyuarat yang telah ditetapkan seperti mesyuarat pengurusan, mesyuarat akademik dan MKSP bagi membincangkan tindakan penambahbaikan berterusan. Semakan semula pencapaian objektif kualiti yang telah dirangka juga telah dilakukan.

#### **(Rujuk 4.4.1.1: Laporan MKSP FPHP 2022)**

Contoh penambahbaikan JI&K berdasarkan hasil pemerhatian laporan analisa data adalah Program *21Hours with the Industry* yang mengandungi pelbagai aktiviti seminar dan webinar bersama penggiat industri dan alumni yang mendokong pencapaian PI utama FPHP. Hasil analisa keberkesanan program telah dijalankan setiap kali program berakhir telah menjadi titik permulaan.

1. Perneraksanaan Program *21 Hours with the Industry* telah melibatkan lebih ramai alumni yang terdiri daripada golongan muda atas permintaan peserta dan pelajar program yang di peroleh dari kaji selidik yang dijalankan.

#### **(rujuk 4.4.1.2: Contoh kaji selidik keberkesanan program 21 Hours with the Industry)**

2. Penglibatan syarikat ternama antarabangsa dalam memberi pendedahan kepada pelajar berbanding syarikat kecil pada tahun tahun sebelumnya. Ini secara tidak langsung dapat mencapai PI jaringan industri . Hasil seminar bersama syarikat besar ini telah memberi peluang latihan industri dan kerjaya kepada pelajar FPHP melalui sesi temuduga dalam kampus.

#### **(rujuk 4.4.1.3: Poster promosi sesi temu duga oleh Genting World Resort)**

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20231\\_4.4.1 Laporan MKSP FPHP 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20232\\_4.4.2 Contoh Kaji Selidik Program 21h Final Year Student Seminar Edition 2\\_2022 McDonald's - Google Forms.pdf](#)
3. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20233\\_4.4.3 Poster Sesi Temuduga Genting World Resort.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20234\\_ Invitation on Internship Colaboration at Holiday Villa. Qatar \(1\).pdf](#)
5. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20235\\_Holiday Villa Collaboration Letter.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan Kanan FPHP telah menggunakan Analisa Risiko yang disediakan melalui laporan pencapaian MKSP 2022 sebagai dasar bagi merancang tindakan yang perlu diambil. PI yang dicapai diteruskan manakala langkah proaktif pada tahun 2023 diambil bagi menangani PI yang tidak tercapai pada tahun 2022 supaya ia tidak berulang. Setiap PI FPHP sentiasa diukur dan dipantau, dan PI yang telah tercapai dilaporkan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) secara berkala.

Risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan dikenalpasti oleh Pengurusan Kanan FPHP, Penyelaras dan Pegawai Pengurus Data melalui perbincangan hasil analisa data. Berikut adalah risiko pengukuran analisa dan pengurusan pengetahuan.

##### **RISIKO 1 : PROSES PENGUMPULAN DATA DARI PENYELARAS PROGRAM TIDAK LENGKAP.**

- Punca risiko : Terdapat penyelaras program yang tidak dapat menyediakan dokumen pelaporan program yang lengkap dan komprehensif.
- Impak : PI FPHP tidak tercapai kerana Projek Jaringan Industri yang dijayakan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh sistem SMART dan PRIME.
- Kawalan risiko : Mewujudkan senarai semak pembuktian pelaporan program mengikut atribut sistem pelaporan oleh sistem SMART dan PRIME. **(rujuk 4.4.2.1: senarai semak program USR dan KTP)**
- Tindakan pencegahan : Taklimat kesedaran dijalankan kepada penyelaras program dan pelajar serta menjalankan simulasi pengisian maklumat ke dalam sistem. **(rujuk 4.4.2.2: Poster Panggilan Taklimat Program USR dan KTP FPHP 2022)**

##### **RISIKO 2 : LAPORAN KEBERKESANAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI YANG DITERIMA TIDAK LENGKAP**

- Punca risiko : Laporan keberkesanan program Jaringan Industri khususnya 21 Hours With The Industry tidak lengkap. Hanya laporan kehadiran pelajar ke program itu sahaja direkodkan, namun analisa keberkesanan program kepada pelajar dan pihak industri tidak dijalankan.
- Impak : Penambahbaikan program tidak dapat dijalankan
- Kawalan risiko : Mewujudkan kaji selidik keberkesanan program dan di kongsi sebaik sahaja selesai sesuatu program dijalankan. **(rujuk 4.4.2 Contoh Kaji selidik Program 21 Hours with the Industry)**
- Tindakan pencegahan : Analisa Keberkesanan Program merangkumi maklumbalas peserta telah dijalankan. **(rujuk 4.4.2.3 Laporan program 21 Hours with the Industry)**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20231\\_4.3.1 SENARAI SEMAK PROGRAM USR KTP FPHP.pdf](#)
2. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20232\\_4.4.2.2 Poster Taklimat Jemputan Senarai Semak Program](#)



www.scribd.com

3. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20233\\_4.4.2 Contoh Kaji Selidik Program 21h Final Year Student Seminar Edition 2\\_2022 McDonald's - Google Forms.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20234\\_4.4.2.3 Laporan 21 Hours with the Industry 32022 \(I'm Loving it-Career Opportunities and Growth With McDonald's\).pdf](#)
5. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20235\\_SAP faculty 2022 PJI \(1\)-risiko.pdf](#)

#### **4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Tindakan pencegahan dirancang dan dilaksanakan bagi setiap risiko pengukuran, analisa dan pengurusan pengetahuan yang dikenalpasti oleh pegawai bertanggungjawab yang menguruskan data dan Pengurusan Kanan FPHP.

Pelaksanaan tindakan pencegahan ini ditambahbaik dengan pengumpulan data berkaitan, analisa keberkesanan tindakan dan dikongsi kepada warga FPHP. Contoh penambaaian tindakan pencegahan berdasarkan risiko dalam bahagian di atas.

#### **RISIKO 1 : PROSES PENGUMPULAN DATA DARI PENYELARAS PROGRAM TIDAK LENGKAP.**

##### Contoh pengurusan risiko 1

- Punca risiko : Terdapat penyelaras program yang tidak dapat menyediakan dokumen pelaporan program yang lengkap dan komprehensif.
- Tindakan pencegahan : Taklimat kesedaran dijalankan kepada penyelaras program dan pelajar serta menjalankan simulasi pengisian maklumat ke dalam sistem. (rujuk 4.4.4.2: Poster Panggilan Taklimat Program USR dan KTP FPHP 2022)

#### **RISIKO 2 : LAPORAN KEBERKESANAN PROGRAM JARINGAN INDUSTRI YANG DITERIMA TIDAK LENGKAP**

- Punca risiko : Laporan keberkesanan program Jaringan Industri khususnya 21 Hours With The Industry tidak lengkap. Hanya laporan kehadiran pelajar ke program itu sahaja direkodkan, namun analisa keberkesanan program kepada pelajar dan pihak industri tidak dijalankan.
- Tindakan pencegahan : Analisa Keberkesanan Program merangkumi maklumbalas peserta telah dijalankan. (rujuk 4.4.2.3: Contoh Laporan Program 21 Hours with the Industry)

##### Analisa hasil tindakan pencegahan risiko

Data dianalisa : Laporan Program Jaringan Industri daripada sistem SMART dan pencapaian PI.

Analisa keberkesanan : Semua data program jaringan industri berjaya dimasukkan ke dalam sistem SMART dan mencapai PI ditetapkan.

Perkongsian hasil analisa tindakan : TDPJI (Pengarah Projek) akan melaporkan di dalam Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri dan Mesyuarat Pengurusan (rujuk 4.4.2.3: Minit Mesyuarat MKSP FPHP 2022)

Pihak Pengurusan Kanan FPHP cakna dengan segala maklumat dan data yang diperolehi dari setiap bahagian. Maklumat dan data yang dianalisa sangatlah penting untuk tujuan kajian semula serta tindakan penambahbaikan menjurus kepada PI yang tidak tercapai, mengambil kira segala aspek serta risiko yang dihadapi oleh PTJ. Oleh yang demikian, segala hasil analisa yang diperolehi akan diperhalusi oleh PTJ berkaitan melalui Mesyuarat Pengurusan FPHP, MKSP dan akhirnya dibentangkan kepada seluruh warga FPHP melalui Amanat Dekan yang dilakukan setiap awal tahun untuk tujuan pelaksanaan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20231\\_4.4.2.2 Poster Taklimat Jemputan Senarai Semak Program](#)

[USR dan KTP 2022.pdf](#)

2. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20232\\_4.4.2.3 Laporan 21 Hours with the Industry 32022 \(I'm Loving it-Career Opportunities and Growth With McDonald's\).pdf](#)
3. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20233\\_4.4.2.3 Minit MKSP 12022\\_edit\\_Latest.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20234\\_SAP faculty 2022 PJI \(1\)-risiko.pdf](#)
5. [F0067\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20235\\_PJI \(bukti bulanan\).pdf](#)

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Hasil analisa tindakan pencegahan risiko menunjukkan nilai FIT adalah kekuatan dan kecemerlangan FPHP. Pembudayaan yang diadaptasikan di FPHP adalah:

1. Pemantauan yang teliti dijayakan oleh Pengurusan Kanan FPHP melalui PJI di mana koordinator unit diwujudkan bersama senarai tugas yang terperinci. Setiap aktiviti unit dipantau melalui pencapaian KPI yang disasarkan. Ada ketika unit tugas *ad hoc* diwujudkan bergantung kepada keperluan program dan dipantau mengikut kesesuaian (rujuk 4.5.1: Program Community & U)
2. Integrasi data program PJI, HEA dan HEP mengurangkan risiko FPHP ketidakcapaian target PI Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) yang telah ditetapkan oleh unit SMART ICAN. Bagi FPHP, pengumpulan data dijalankan melalui sistem PRIME, MyRA, NILAM, MyENT, Kajian Pengesanan Graduan (KPG), MyMohes, BTU dan Irmis.
3. Pembudayaan FIT berjaya untuk mengkoordinasikan data agar lebih teratur dan sistematik.
4. Penerapan nilai pembudayaan FIT dapat memperkasakan program jaringan industri dan menempatkan FPHP di tangga 42 dalam "World QS Ranking by Subject 2022".
5. Pembudayaan nilai FIT turut menyumbang kepada penambahbaikan proses kerja di UiTM dan FPHP. Setiap laporan PJI dibentangkan dalam mesyuarat MKSP dan tindakan sewajarnya diambil oleh ketua bahagian masing-masing.
6. Pendigitalan dokumen dilaksanakan seperti berikut:
  - a. Borang kaji selidik sebagai instrumen pengumpulan data program jaringan industri mengikut keperluan E-pelaporan JI&K (rujuk 4.5.2: Borang kaji selidik e-pelaporan program PJI 2022).
  - b. Drive Keusahawanan FPHP dan Drive PJIFPHP diwujudkan untuk pengurusan pengetahuan yang lebih mantap (rujuk 4.5.3: Drive Keusahawanan FPHP).
  - c. Kutipan sewaan tapak rak keusahawanan diwujudkan bagi tujuan aktiviti keusahawanan di FPHP. Manakala, kutipan wang program PJI dipantau melalui Akaun Bendahari (rujuk 4.5.4: FPHP-Tourism Malaysia Lecture Series)
7. Pembudayaan nilai FIT bagi warga FPHP dijalankan melalui Anugerah Kecemerlangan FPHP 2022 yang mengiktiraf hubungan Jaringan Industri melalui kriteria Anugerah Jaringan Industri Terbaik dan Jaringan Komuniti Terbaik Anugerah Pencapaian bagi Keusahawanan turut diterima oleh FPHP hasil daripada nilai FIT (rujuk 4.5.5: Sijil Penghargaan Pencapaian Keusahawanan).

Penghargaan ini dilaksanakan dan diterima bagi memberi motivasi kepada staf untuk memperkasakan jaringan industri yang berimpak tinggi dan membuat pelaporan program yang baik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_A01\\_AB05\\_20231\\_4.5.1 Program Community & U.pdf](#)
2. [F0067\\_A01\\_AB05\\_20232\\_4.5.2 ePelaporan JIK - Google Forms.pdf](#)
3. [F0067\\_A01\\_AB05\\_20233\\_4.5.3 DriveKeusahawanan FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_A01\\_AB05\\_20234\\_4.5.4 FPHP-Tourism Malaysia Lecture Series.pdf](#)
5. [F0067\\_A01\\_AB05\\_20235\\_4.5.5 Sijil Penghargaan Pencapaian Keusahawanan.pdf](#)



## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

#### **Perancangan (Plan)**

Perancangan Sumber Manusia di FPHP dilaksanakan secara bersasar dengan penglibatan semua staf secara menyeluruh. Tema FPHP Inclusive Togetherness (FIT) telah dicetuskan oleh Dekan FPHP telah diangkat sebagai pemacu bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Perancangan aktiviti dan program untuk mencapai bidang tumpuan JIK telah dibincangkan secara menyeluruh di dalam Bengkel Perancangan Strategik (PS) pada awal tahun. Pengurusan Kanan FPHP mengambil kira kekuatan dan kepakaran sumber manusia dalam memastikan Objektif Kebersamaan (OK) tercapai. Seterusnya, aktiviti dan program yang telah dirancang rapi di dalam bengkel PS disalurkan kepada warga FPHP melalui sesi townhall dan mesyuarat peringkat bahagian.

#### **Perlaksanaan (Do)**

FPHP mengambil pendekatan mengoptimumkan 146 orang sumber manusia pelbagai kepakaran dan pengalaman di dalam program JI&K melalui pelaksanaan 2 projek arus perdana iaitu Smart Partnership dan hotcatpreneur yang dijalankan secara menyeluruh diperingkat fakulti. Pihak Pengurusan Kanan melalui Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri (TDPJI) telah menyelaras dan menetapkan KPI yang jelas bagi kedua-dua projek tersebut seperti '21 hours with the Industry', MoU dengan Industri serta Projek Keusahawanan Pelajar telah mengguna pakai kepakaran dari rakan strategik FPHP, kepakaran akademik FPHP, kerjasama staf operasi dan para pelajar. Bagi mengoptimumkan kepakaran yang terdapat di FPHP, pihak Pengurusan Kanan FPHP turut menggalakkan staf akademik bergiat di dalam aktiviti perundingan.

#### **Pemantauan (Check)**

Pengurusan Kanan FPHP menjadikan mesyuarat dan pertemuan sebagai platform perbincangan sebelum sesuatu keputusan dicapai dengan mengambil kira pandangan dan pendapat daripada warga FPHP. Hasil perbincangan dan maklumbalas yang diterima melalui platform tersebut dibincangkan didalam dua mesyuarat tertinggi iaitu Mesyuarat Pengurusan (MP) dan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP). Kajian Indeks Kegembiraan FPHP mendapati tahap kegembiraan warga FPHP pada tahun 2021 meningkat sebanyak 3% berbanding tahun 2020. Peningkatan ketara bagi Sub-Domain Emosi Positif dan Sub-Domain Pencapaian sebanyak 7% dapat dicapai melalui mekanisme komunikasi dua hala dan pemantauan tahap kepuasan hati warga FPHP. Kedua-dua mekanisme ini penting dalam memacu FPHP mencapai KPI perancangan strategik serta kejayaan dalam bidang tumpuan JI&K FPHP.

Ketua Projek dipertanggungjawabkan untuk mengenalpasti risiko sumber manusia yang timbul dalam menjayakan projek JI&K yang telah dirancang. Seterusnya, penilaian berkala dibuat bagi mengurangkan impak risiko terhadap projek Smart Partnership dan Hotcatpreneur yang dijalankan.

#### **Tindakan Penambahbaikan (Act)**

Pengurusan Kanan FPHP menitikberatkan persekitaran dan sistem kerja yang kondusif untuk mencapai kejayaan dalam bidang tumpuan yang dipilih. Aduan dan maklumbalas yang diterima daripada staf berkaitan sistem kerja dan kemudahan serta isu-isu lain dianalisa dan digunakan bagi tujuan penambahbaikan. Maklumbalas yang memerlukan tindakan yang teliti dibincangkan secara terperinci di dalam mesyuarat MKSP sebelum tindakan penambahbaikan diambil.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

### KAEDAH FPHP MENJAYAKAN FIT MEMACU JI&K FAKULTI

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa menekankan penglibatan semua warga FPHP dalam setiap inisiatif strategik yang dirancang. FIT memacu JI&K Fakulti dicetuskan oleh Dekan bagi memastikan bidang tumpuan dapat dilaksanakan dengan jaya. Dengan kekuatan seramai 146 orang staf yang terdiri daripada 86 staf akademik berkelayakan PhD dan 56 staf pentadbiran, FPHP berjaya mencapai setiap aktiviti yang dirancang **(Rujuk bukti 5.2.1 Maklumat Demografi Staf FPHP 2022)**.

### BIDANG TUGAS STAF FPHP

FPHP sentiasa mementingkan penglibatan semua tenaga kerja dalam setiap aktiviti Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) yang dijalankan. Asasnya, Pengurusan Kanan FPHP melibatkan warga dengan mewujudkan program arus perdana di bawah Pejabat TDPJI iaitu Smart Partnership dan Hotcatpreneur **(Rujuk 5.2.2: Carta Organisasi Pejabat TDPJI)** yang berfungsi sebagai penggerak utama inisiatif strategik. Pejabat TDPJI berperanan merancang inisiatif strategik, memberi fokus dalam menyalurkan/ menyelaras khidmat kepakaran dan kemahiran warga FPHP. Sumbangan diberi melalui khidmat sebagai Penasihat Program dan Ahli Jawatankuasa Kerja. Pengurusan Kanan FPHP juga sentiasa menerapkan amalan perkongsian ilmu dan kepakaran bagi memperkembangkan profesionalisme berterusan di kalangan staf terutamanya berkaitan JI&K. Selain daripada melaksanakan tugas hakiki, staf akademik juga melibatkan diri dengan aktiviti seperti perundingan, khidmat masyarakat, program ceramah inovasi, kerjaya serta penglibatan dalam jawatankuasa, kelab, dan persatuan yang ditubuhkan. Pengurusan FPHP melalui Koordinator ICAN dan Keusahawanan juga berjaya menyelaraskan pelbagai program melibatkan staf, pelajar, alumni, industri dan komuniti yang sesuai dgn objektif JI&K **(Rujuk 5.2.3: Program di Bawah Penyelarasan Keusahawanan dan ICAN FPHP 2022)**.

### PENILAIAN PENCAPAIAN STAF FPHP

Penilaian pencapaian staf dilakukan bertujuan untuk menentukan keberkesanan perancangan Pengurusan FPHP. Antara kaedah penilaian:

- 42 Jam Latihan – Bagi staf yang mempunyai jam latihan kurang daripada 42 jam, FPHP akan mengeluarkan notis peringatan melalui poster secara berkala bagi memastikan setiap staf dapat mencapai minimum 42 jam latihan pada akhir tahun.
- Key Performance Indicator (KPI) – Pencapaian KPI staf dinilai melalui Sasaran Kerja Tahunan (SKT). Bagi memenuhi KPI pensyarah dan PI universiti, emel diberikan kepada staf akademik sebagai peringatan mesra agar KPI pensyarah dapat dicapai menjelang akhir tahun tersebut.
- Laporan Nilai Prestasi Tahunan (LNPT) oleh KPP dan Ketua Bahagian. Prestasi staf dinilai melalui LPNT yang diberikan setiap akhir tahun.
- SKT melebihi markah 80% perlu dicapai bagi memastikan prestasi setiap staf berada pada tahap yang terbaik.

### PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN KEPADA SUMBER MANUSIA

Bagi meningkatkan motivasi warga, FPHP sentiasa memberikan penghargaan kepada staf yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang melalui beberapa medium seperti emel rasmi dan FB rasmi FPHP. Seramai 10 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada tahun 2022; 6 orang staf Staf Akademik dan 4 orang Staf Pentadbiran

**(rujuk BUKTI 5.2.4 : Senarai Penerima APC FPHP 2022).** Selain itu, sebarang kejayaan staf dirai melalui pemakluman berita terkini di platform media sosial FPHP.

#### SAMBUTAN MAJLIS ANUGERAH AKADEMIK (MAA) FPHP 2022

Program JI&K yang dijalankan telah berjaya meningkatkan pencapaian PI kampus yang telah ditetapkan. Bagi memberi penghargaan dan pengiktirafan, FPHP telah berjaya mengadakan MAA FPHP 2022; dengan 20 kategori penganugerahan yang telah diberikan kepada staf akademik **(Rujuk 5.2.5: Senarai Penerima MAA FPHP 2022).**

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20231\\_BUKTI 5.2.1 Maklumat Demografi Staf FPHP 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20232\\_BUKTI 5.2.2 Carta Organisasi Pejabat TDPJI.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20233\\_BUKTI 5.2.3 Program di Bawah Penyelarasan MASMED dan ICAN FPHP 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20234\\_BUKTI 5.2.4 Senarai Penerima APC FPHP 2022.pdf](#)
5. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20235\\_BUKTI 5.2.5 Senarai Penerima MAA FPHP 2022.pdf](#)
6. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20231\\_BUKTI 5.2.1 Maklumat Demografi Staf FPHP 2022.pdf](#)
7. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20232\\_BUKTI 5.2.2 Carta Organisasi Pejabat TDPJI.pdf](#)
8. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20233\\_BUKTI 5.2.3 Program di Bawah Penyelarasan MASMED dan ICAN FPHP 2022.pdf](#)
9. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20234\\_BUKTI 5.2.4 Senarai Penerima APC FPHP 2022.pdf](#)
10. [F0067\\_S01\\_SB02\\_20235\\_BUKTI 5.2.5 Senarai Penerima MAA FPHP 2022.pdf](#)



### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan FPHP mengambil pendekatan untuk mengoptimumkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia di dalam jaringan industri dan keusahawanan (JI&K) dengan menjalankan usahasama Memorandum of Understanding (MoU) dengan pemain industri, disamping menggunakan kepakaran warga FPHP menerusi aktiviti perundingan (**rujuk 5.3.1 Rakan MoU & Sumbangan Kepakaran Warga FPHP 2022**). Sumbangan tenaga kepakaran warga FPHP dijayakan melalui aktiviti perundingan dalaman seperti menjadi mentor kepada program keusahawanan pelajar, seperti rak keusahawanan pelajar, Bake & Bite, Pastry, Coffee & Chat, dan Tech-create 5.0 Business Pitching. Dalam mengoptimumkan kepakaran, Pengurusan FPHP turut menggalakkan staf akademik untuk menjalankan aktiviti perundingan bersama pemain industri. Usaha ini dapat dilihat melalui jumlah nilai perundingan yang diperolehi oleh FPHP pada 2022 iaitu sebanyak RM141,578 (**rujuk 5.3.2: Senarai Perundingan FPHP 2022**). Pencapaian tersebut adalah hasil usaha daripada kepakaran staf akademik yang menjadi jururunding kepada industri (**rujuk 5.5.3: Penglibatan Sumber Manusia dan Pengoptimuman kepakaran Staf FPHP**). Selain itu, staf yang berkelayakan juga digalakkan untuk menjalani sangkutan industri bagi meningkatkan ilmu. FPHP juga mempraktikkan pemberian cuti sabatikal kepada staf bagi menyumbang kepakaran dan mendalami ilmu daripada industri.

Bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan produktiviti sumber manusia, Pengurusan FPHP sentiasa memastikan bahawa semua keperluan sumber manusia dirancang mengikut kaedah yang telah ditetapkan seperti berikut:

- Memastikan staf memperolehi kejayaan dan kompetensi yang diperlukan bagi menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti
- Memastikan semua staf diberi latihan dalam bidang pengkhususan yang diperlukan dengan syarat menghadiri sekurang-kurangnya 42 jam latihan setahun.

Secara purata, staf FPHP telah berjaya mencapai sebanyak 86.7% pencapaian 42 jam latihan staf pada tahun 2022 melalui pelbagai latihan termasuklah berkaitan JI&K (**rujuk FPHP 5.3.4 Senarai Latihan Anjuran FPHP dan Pencapaian Jam Latihan Tertinggi 2022 dan 5.3.5 Program FRIWS**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_S01\\_SB03\\_20231\\_BUKTI 5.3.1 Rakan MoU & Sumbangan Kepakaran Warga FPHP 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB03\\_20232\\_BUKTI 5.3.2 Senarai Perundingan FPHP 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB03\\_20233\\_BUKTI 5.5.3 Kepakaran Warga FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB03\\_20234\\_BUKTI 5.3.4 Senarai Latihan Anjuran FPHP dan Pencapaian Jam Latihan Tertinggi .pdf](#)
5. [F0067\\_S01\\_SB03\\_20235\\_5.3.5 Program FRIWS 2022.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Secara keseluruhan, Indeks Kegembiraan FPHP bagi tahun 2021 adalah sebanyak 75% dan data ini menunjukkan peningkatan sebanyak 3% berbanding tahun 2020. Indeks kepuasan staf terhadap subdomain emosi positif dan subdomain pencapaian mengikut model PERMAI menunjukkan peningkatan ketara sebanyak 7% bagi tahun 2021. Peningkatan ini menunjukkan warga FPHP berpuashati dan gembira dengan penglibatan mereka didalam aktiviti di FPHP seperti penyelidikan, latihan, agihan beban tugas, pengiktirafan dan peluang kenaikan pangkat. Kesemua aspek ini menjadikan staf lebih produktif dan terus cemerlang sekaligus meningkatkan tahap kegembiraan. Peningkatan Indeks Kegembiraan menunjukkan wujudnya hubungan baik diantara Pengurusan Kanan dan warga FPHP bagi meningkatkan budaya kerja cemerlang sekaligus memacu kejayaan FPHP (**Rujuk BUKTI 5.4.1.1: Pencapaian Indeks Kegembiraan FPHP**).

Pengurusan Kanan FPHP telah mengambil inisiatif dimana setiap keputusan yang ingin dilaksanakan dibincang terlebih dahulu di dalam mesyuarat dan perjumpaan diperingkat bahagian atau unit dengan mengambil kira kepuasan hati warga FPHP. Keputusan yang memerlukan penambahbaikan dibawa ke Mesyuarat Pengurusan, MKSP, PPSM dan Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakatan Fakulti mengikut isu dan keperluan. Komunikasi berkesan sangat penting dalam organisasi bagi memastikan setiap staf berpuas hati dengan proses dan keputusan yang diambil. Segala keputusan di peringkat Pengurusan Kanan FPHP disebarluaskan kepada staf melalui mekanisme komunikasi dua hala antaranya sesi townhall, mesyuarat peringkat bahagian dan jabatan. Pengurusan Kanan FPHP juga menggunakan komunikasi sehalu seperti emel dan surat pekeliling serta platform digital seperti Whatsapp, Facebook dan Instagram agar penyampaian maklumat dibuat secara telus dan berkesan (**rujuk BUKTI 5.4.1.2: Media Komunikasi Pengurusan Kanan dan Warga FPHP**).

Sistem aduan maklumbalas pelanggan (FPHPAMP) yang cekap dibangunkan secara atas talian bagi mengukur kepuasan hati staf. Ketua Pentadbiran dilantik sebagai pentadbir sistem FPHPAMP bertanggungjawab menganalisa semua aduan untuk dibentangkan di dalam MKSP. Staf, khususnya, boleh mendapatkan pautan aduan maklumbalas pelanggan melalui kod QR yang terdapat di dalam antaramuka laman sesawang FPHP (**Rujuk BUKTI 5.4.1.3: Antaramuka Laman Sesawang Aduan Maklumbalas Pelanggan FPHP**). Selain aduan secara atas talian, mekanisme *Open door policy* juga digunakan dan staf digalakkan membuat aduan secara bersemuka dengan Ketua Bahagian masing-masing (**Rujuk BUKTI 5.4.1.4: Laporan Analisa Aduan Maklum Balas Pelanggan FPHP 2021** dan (**rujuk BUKTI 5.4.1.5: Borang Aduan Maklum Balas Pelanggan - Google Form**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20231\\_BUKTI 5.4.1.1 Pencapaian Indeks Kegembiraan FPHP 2021.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20232\\_BUKTI 5.4.1.2 Medium Komunikasi Pengurusan Kanan dan Warga FPHP.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20233\\_BUKTI 5.4.1.3 Antaramuka Laman Sesawang Aduan Maklumbalas Pelanggan FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20234\\_BUKTI 5.4.1.4 Laporan Analisa Aduan Maklum Balas Pelanggan FPHP 2022.pdf](#)
5. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20235\\_BUKTI 5.4.1.5 Borang Aduan dan Maklum Balas Pelanggan \(Complaint Form and Customer Feedback\) - Google Forms.pdf](#)



## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Risiko sumber manusia yang dihadapi oleh Pengurusan Kanan FPHP bagi mencapai Objektif Kebersamaan (OK) ialah apabila terdapat aktiviti JI&K yang tidak mencapai PI yang ditetapkan disebabkan beberapa faktor antaranya (i) aktiviti yang dirancang kurang mendapat sambutan oleh warga FPHP; (ii) kesukaran memperoleh geran penyelidikan industri; (iii) pembiayaan penerbitan di dalam jurnal berimpak tinggi dan; (iv) pensyarah tidak memenuhi KPI penerbitan (**rujuk BUKTI 5.4.2.1: Pencapaian PI Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri**). Bagi mengurangkan risiko ini pihak Pengurusan Kanan FPHP telah melaksanakan beberapa inisiatif antaranya (i) Libat urus Ketua Pusat Pengajian (KPP) bagi memastikan penilaian MyATP mengambil kira penerbitan dan aktiviti penyelidikan; (ii) Memperkasa aktiviti penyelidikan dan penerbitan melalui penawaran geran dalaman UiTM (DUCS, LESTARI, MYRA) dan Fakulti (VGRS 2022 - Pensyarah sebagai penyelidik utama (PI) dengan seorang pensyarah antarabangsa sebagai ahli). Geran VGRS ini merupakan inovasi Pengurusan Kanan FPHP bagi mengurangkan denominator potensi FPHP sekaligus menaikkan kedudukan FPHP di tangga ke 42 dalam QS World Ranking by Subject bagi area Leisure & Hospitality Management (**Rujuk BUKTI 5.4.2.2: Penerima Geran DUCS dan Geran Dalaman VGRS**); (iii) Pemantapan kemahiran penulisan, penerbitan dan penyelidikan melalui 21 sesi bengkel dan webinar di bawah program FPHP Research and Innovation Awareness and Upskilling (FRIWS 2022) (**Rujuk BUKTI 5.4.2.3: Program FRIWS 2022**).

Selain itu, terdapat juga risiko yang dihadapi oleh Unit Keusahawanan dalam mencapai PS FPHP iaitu (i) projek yang dijalankan tidak memenuhi definisi operasi PI yang ditetapkan oleh BTU UiTM. Impaknya, projek yang dijalankan tidak diambil kira dalam pencapaian PI Keusahawanan FPHP; (ii) kelemahan sistem pengumpulan maklumat staf dengan kepakaran keusahawanan memberi impak kepada visibiliti keusahawanan FPHP. Justeru, langkah penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh Unit Keusahawanan FPHP bagi mengatasi risiko yang dikenal pasti adalah (i) memastikan Ketua Projek melibatkan industri yang mempunyai MoU dalam aktiviti keusahawanan; (ii) memantapkan kaedah pengumpulan data projek dan kepakaran keusahawanan FPHP dalam satu FPHPpreneur OneDrive (HotCatEdu, HotCatIID dan HotCatpreneur) (**Rujuk BUKTI 5.4.2.4: Laporan MKSP 2022 Unit Keusahawanan dan BUKTI 5.4.2.5: Pautan fail Google Drive FPHPpreneur OneDrive**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20231\\_BUKTI 5.4.2.1\\_Pencapaian PI Bahagian Penyelidikan dan Jaringan Industri.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20232\\_BUKTI 5.4.2.2 Penerima Geran DUCS dan Geran Dalaman VGRS.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20233\\_BUKTI 5.4.2.3 Program FRIWS 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20234\\_BUKTI 5.4.2.4 Laporan MKSP 2022 Unit Keusahawanan Industri.pdf](#)
5. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20235\\_BUKTI 5.4.2.5 Pautan fail Google Drive FPHPpreneur OneDrive.pdf](#)

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Pengurusan Kanan FPHP sentiasa memberikan penekanan terhadap persekitaran dan sistem kerja yang kondusif bagi memastikan tugas dilaksanakan dengan teratur dan lancar. Motivasi staf sangat penting bagi memastikan produktiviti staf meningkat agar dapat menyumbang dalam setiap aktiviti yang telah dirancang. Pada tahun 2022 fakulti telah mengadakan program team building bagi meningkatkan motivasi serta semangat kerja berpasukan antara staf (**Rujuk BUKTI 5.4.3.1: Program Team Building FPHP 2022**). Program ini memberi impak kepada peningkatan indeks kegembiraan staf, seterusnya staf menjadi lebih produktif. Selain itu, beberapa aktiviti berbentuk kerohanian dan pemantapan nilai dan etika turut dijalankan bagi membudayakan nilai ESI-IDART dikalangan staf. Sebanyak 2 program ESI-IDART telah dijalankan pada tahun 2022 (**Rujuk BUKTI 5.4.3.2: Program ESI-IDART**). Selain itu, program lain yang dijalankan adalah seperti bacaan yasin, Sambutan Majlis Hari Lahir staf, Sambutan Hari Raya, dan Program Bubur Lambuk Ramadhan. Maklumbalas penting bagi memastikan keberkesanan setiap program yang dijalankan. Inisiatif yang dijalankan adalah dengan mengedarkan Borang Keberkesanan Latihan selepas setiap program. Hasil maklum balas dianalisa oleh Penyelaras Latihan dan dibentangkan dalam MKSP bagi tujuan penambahbaikan (**Rujuk BUKTI 5.4.3.3: Laporan Keberkesanan Latihan ESI -IDART**).

Selain program dan aktiviti, Pengurusan Kanan FPHP juga komited menyediakan infrastruktur dan infostruktur yang baik dan sistem kerja yang lebih kondusif agar staf dapat bekerja dengan lebih produktif. Antara infrastruktur yang disediakan adalah bilik rehat staf, bilik loker, ruang rehat pelajar, kemudahan internet, makmal komputer, dapur latihan, pejabat, bilik pensyarah, penapis air untuk kegunaan staf dan pelajar, dan sebagainya (**Rujuk BUKTI 5.4.3.4: Senarai Kemudahan FPHP**). Pengurusan Kanan FPHP komited menyediakan dana dan peruntukan bagi membiayai projek smart partnership dan Hotcatpreneur melalui Kumpulan Wang Pengurusan serta Tabung Amanah FPHP. Antara penambahbaikan terbesar yang dilaksanakan adalah penawaran geran VGRS menggunakan Tabung Amanah Penarafan FPHP kepada staf akademik dan memberi impak besar kepada penerbitan pensyarah FPHP. (**Rujuk BUKTI 5.4.3.5 : Penerima Geran Dalaman VGRS 2022**)

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20231\\_BUKTI 5.4.3.1 Program Team Building FPHP 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20232\\_BUKTI 5.4.3.2 Program ESI-IDART.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20233\\_BUKTI 5.4.3.3 Laporan Keberkesanan Latihan ESI-IDART Memperkasa IDART dikalangan warga FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20234\\_BUKTI 5.4.3.4 Senarai Kemudahan FPHP.pdf](#)
5. [F0067\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20235\\_BUKTI 5.4.3.5 Senarai Penerima Geran Dalaman VGRS 2022.pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan Kanan FPHP telah berjaya mentadbir sumber manusia di FPHP dengan baik demi menjayakan bidang tumpuan. Kerjasama yang terhasil melalui JI&K dengan agensi profesional dan masyarakat telah mewujudkan FPHP *Inclusiveness and Togetherness* (FIT) di kalangan staf FPHP. Budaya FIT ini memberi kesan yang ketara kepada warga FPHP dari segi kepakaran, penyelidikan, keusahawanan dan inovasi. Hasil kolaborasi bersama rakan strategik, Fakulti telah berjaya menganjurkan *6th International Hospitality & Tourism Conference 2022* dengan kerjasama Tourism Malaysia Sabah (**Rujuk Bukti 5.5.1: 6th International Hospitality & Tourism Conference 2022**). FPHP memperhebat lagi kolaborasi antara rakan strategik dengan penganjuran Simposium Makanan Warisan 2022 (eSMW 2022) dengan kerjasama Jabatan Warisan Negara (**Rujuk BUKTI 5.2.3 Program di Bawah Penyelarasan MASMED dan ICAN FPHP 2022**). Ketampakan dan kredibiliti serta kepakaran warga FPHP juga dapat ditunjukkan melalui jemputan sebagai Pakar Rujuk, Penceramah, Perunding, Panel Penilai dan penglibatan staf dalam pertandingan peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Fakulti mempunyai 7 orang pakar rujuk pelbagai bidang antaranya Pakar Negara dalam bidang Penyajian Makanan dan bidang Kulinari, *Board of Trustee Islamic Tourism Board* dan panel MQA serta IPTA/IPTS (**Rujuk BUKTI 5.5.3: Kepakaran Warga FPHP**). Peningkatan kualiti dan produktiviti staf FPHP juga telah mewujudkan jaringan industri dan kerjasama strategik di antara FPHP dan institusi awam dan swasta di dalam dan luar negara melalui MoU dengan pihak industri serta universiti dalam dan luar negara. Pencapaian terbaik FPHP dalam Jaringan Industri bagi tahun 2022 adalah apabila berjaya memetri perjanjian persefahaman dengan 22 buah hotel antarabangsa di bawah jenama Marriott International, EQ Hotel, PKB Hotel Management serta beberapa syarikat dalam industri makanan (**Rujuk BUKTI 5.3.1 Rakan MoU & Sumbangan Kepakaran Warga FPHP 2022**)

Kesimpulan, Pengurusan Kanan FPHP berjaya membudayakan konsep FIT dalam perancangan sumber manusia bagi menjayakan bidang tumpuan JI&K. Kepakaran sumber manusia yang ada dioptimumkan agar dua projek arus perdana (*Smart Partnership & Hotcatpreneur*) dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tumpuan Pengurusan Kanan FPHP terhadap sumber manusia berjaya melahirkan pakar-pakar rujuk dalam bidang hospitaliti sekaligus meningkatkan visibiliti serta kebolehpasaran graduan FPHP, menjadikan FPHP berjaya menduduki tangga ke 42 dalam *QS World Ranking by Subject 2022*.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_S01\\_SB05\\_20231\\_BUKTI 5.5.1 6th International Hospitality\\_\\_ Tourism Conference 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_S01\\_SB05\\_20232\\_BUKTI 5.2.3 Program di Bawah Penyelarasan MASMED dan ICAN FPHP 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_S01\\_SB05\\_20233\\_BUKTI 5.5.3 Kepakaran Warga FPHP.pdf](#)
4. [F0067\\_S01\\_SB05\\_20234\\_BUKTI 5.3.1 Rakan MoU\\_\\_ Sumbangan Kepakaran Warga FPHP 2022.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan (FPHP) komited dalam mewujudkan nilai serta memperkasa FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) bagi menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian dan kecemerlangan FPHP sebagai panduan utama memacu kesinambungan program Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K).

Pendekatan model Plan-Do-Check-Act (PDCA) diintegrasikan dalam setiap langkah operasi untuk mencapai matlamat dan inisiatif strategik FPHP. Perancangan FPHP berfokus pada satu objektif penting, iaitu Objektif Kebersamaan (OK). Bagi tujuan tersebut, FPHP menjalin kerjasama industri melalui Memorandum Persefahaman (MoU) dan inisiatif seperti program *21 Hours with the Industry* serta *Alumnus Knocking the Door*. Pelaksanaan program tersebut diadakan pada setiap minggu pada hari Jumaat dimana setiap pelajar tahun akhir diwajibkan hadir untuk terlibat di dalam program yang dianjurkan. Aktiviti ini memastikan pemegang taruh dalam jaringan industri dikuatkuasakan bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kelestarian kecemerlangan FPHP.

Pelaksanaan inisiatif FIT membawa pelajar bersama industri melalui program *Hotcatspreneur* dan HOTCATS-IID. MyEnt menjadi platform pendaftaran pelajar untuk meneroka dengan lebih mendalam mengenai keusahawanan semasa pengajian. Sesi perkongsian ilmu dan pengalaman terus dengan pihak industri memberi pendedahan keusahawanan secara langsung kepada pelajar dalam bidang hospitaliti.

Pemantauan prestasi projek dilakukan melalui sistem **SMART** dan **PRIME**, ia membolehkan penilaian terkini terhadap pencapaian projek dan membantu dalam proses penambahbaikan. Pengurusan risiko digunakan untuk mengenal pasti dan mengendalikan risiko dalam projek dan memastikan operasi berjalan lancar. Selain itu pelaporan terus kepada Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) berkenaan kemajuan juga dapat dibuat dari masa ke semasa.

Tindakan penambahbaikan adalah berasaskan progres prestasi dan penilaian risiko. Pelajar didorong untuk terlibat dalam keusahawanan melalui program seperti *Grant Final Tech-Create* (Pride) dan penerokaan pembiayaan dari bank tempatan. Hubungan erat dengan industri diperkukuh melalui sesi perkongsian ilmu dan interaksi pelajar dengan profesional industri.

**Keunikan:** *21 Hours with the Industry* adalah program yang dipilih dalam memulakan langkah menyokong pencapaian objektif dan strategik iaitu FPHP *Inclusive & Togetherness* (FIT) dengan menjalinkan kerjasama menerusi kesepakatan yang telah dibuat melalui MoU. Program ini adalah usahasama FPHP bersama rakan strategik dari industri perhotelan, pelancongan, perkhidmatan makanan, universiti antarabangsa mahupun tempatan. Selain itu, program *Hotcatspreneur* dan HOTCATS-IID, turut menyokong konsep FPHP *Inclusive & Togetherness* (FIT) dengan penglibatan pelajar dalam aktiviti keusahawanan.

#### **Impak:**

Dengan adanya program ini, ia telah memberikan impak yang positif, menjamin kebolehpasaran graduan dan kelestarian kecemerlangan FPHP di peringkat tempatan dan antarabangsa. Rancangan dan dasar pandang ke hadapan adalah salah satu langkah terbaik yang melibatkan inovasi dan penambahbaikan berterusan dalam operasi FPHP. Analisa risiko dan pemantauan berterusan dikekalkan untuk memastikan inisiatif strategik berjalan dengan berkesan. FPHP terus berusaha meningkatkan prestasi dan kedudukan dalam *QS World Ranking*, yang mendukung dan menjadikan FPHP sebagai institusi terkemuka dalam bidang hospitaliti dan keusahawanan khususnya, dan universiti sebagai *Globally Renowned University* umumnya.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang berstruktur dan sistematik, FPHP telah memfokuskan bidang tumpuan Jaringan Industri dan Keusahawanan. Terdapat dua objektif dalam memastikan bidang tumpuan ini berjaya dilaksanakan. Yang pertama ialah Objektif Kebersamaan (OK) iaitu memperkasakan FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT), dengan libatsama pemegang taruh dalam Jaringan Industri dan Keusahawanan bagi menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian kecemerlangan FPHP.

Kerjasama bersama industri merupakan langkah pertama dalam inisiatif FPHP mencapai OK. Dokumen utama sebagai rujukan adalah Pekeliling Pengurusan Memorandum Persetujuan (MOA). Terdapat dua proses utama yang menyokong dua objektif strategik tersebut iaitu proses pemilihan sasaran dan permohonan. Proses pemilihan sasaran ini dimulai dengan mengenal pasti pihak industri yang bersesuaian serta mengambil kira penerimaan impak yang besar kepada pemegang taruh iaitu para pensyarah, pelajar dan organisasi luar. Seterusnya, permohonan dan draf memorandum dihantar ke Pejabat Undang-Undang untuk tujuan semakan dan kelulusan. Akhir sekali, dokumen MoU/MoA yang lengkap ditandatangani dimuat naik ke dalam sistem NILAMs (**Rujuk Bukti 1: Pekeliling Pengurusan Memorandum Persefahaman MoU MoA**).

Proses utama yang kedua adalah menggalakkan aktiviti pelajar bersama industri. Konsep yang dipilih dalam memulakan langkah untuk menyokong pencapaian objektif dan strategik iaitu FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) adalah dengan menjalinkan kerjasama menerusi kesepakatan yang telah dibuat melalui MoU. Satu program utama dalam memastikan objektif ini tercapai adalah *21 Hours with the Industry*. Satu kertas kerja akan disediakan dengan perincian program dan dihantar ke TDPJI untuk disemak dan disokong. Dokumen tersebut akan dihantar ke Dekan bagi proses kelulusan. Surat kelulusan program akan dikeluarkan setelah mendapat pengesahan Dekan untuk tindakan selanjutnya. Di peringkat awal, pelajar disarankan agar menyediakan kertas kerja bagi aktiviti yang dirancang dan mendapatkan sokongan dari Ketua Pusat Pengajian (KPP) mengikut jabatan masing-masing atau penasihat program. Seterusnya, pelajar akan mengisi borang permohonan mengadakan aktiviti dengan perincian program.

Proses terakhir adalah proses menjalankan projek keusahawanan bagi memupuk nilai keusahawanan di kalangan graduan FPHP. Tujuan utama projek keusahawanan di kalangan FPHP adalah memupuk nilai keusahawanan dan mampu berdaya saing. Secara amnya, proses ini dibahagikan kepada 2 peringkat. Pada peringkat pertama, pelajar perlu menyediakan kertas cadangan. Peringkat seterusnya, kertas cadangan akan dikemukakan kepada Dekan FPHP bagi mendapatkan kelulusan. Seterusnya bagi mendapatkan dana dari MASMED, FPHP perlu kemukakan laporan selepas projek dijalankan, antaranya adalah Vendor Holistic Week. Proses ini telah memberi kesan yang positif dalam mencapai objektif dan inisiatif pelan strategik keusahawanan dalam memastikan FPHP berada di laluan yang tepat dalam memastikan kedudukan *QS World Ranking* tetap terbaik. Pemantauan dan pelaporan aktiviti penajaan dilakukan bagi menilai prestasi keberkesanan aktiviti yang dilaksanakan (**Rujuk Bukti 2: Pelaporan dan Pemantauan Keusahawanan Oktober dan November 2022**).

### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_O01\\_OB02\\_20231\\_6.2.1 Pekeliling Pengurusan Memorandum Persefahaman MoU MoA.pdf](#)
2. [F0067\\_O01\\_OB02\\_20232\\_6.2.2 Pelaporan & Pemantauan Keusahawanan Oct&Nov2022.pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB02\\_20233\\_QS RANKING FPHP 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB02\\_20234\\_LAPORAN MoU FAKULTI PENGURUSAN HOTEL DAN PELANCONGAN 2020-2023.pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB02\\_20235\\_Vendor Holistic Week 2022.pdf](#)



### 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

FPHP telah melaksanakan model *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) di dalam setiap proses kerja utama semua projek yang dirancang di bawah Unit Keusahawanan (MASMED). FPHP melalui Koordinator MASMED dan selari dengan Objektif Kebersamaan (OK) FPHP telah memenuhi objektif membangunkan projek keusahawanan. Justeru itu, 4 PI telah tercapai dalam melahirkan pelajar yang berciri keusahawanan.

Dalam meningkatkan penglibatan pelajar dengan aktiviti keusahawanan di dalam fakulti semasa pengajian, MASMED memperkenalkan MyEnt bagi pendaftaran pelajar. Program MyEnt didedahkan kepada pelajar pertama kali semasa Program Destini Siswa (PDS) (P). Kod QR dikongsikan bersama pelajar untuk pendaftaran (D). Setelah itu, borang pendaftaran disemak dan disahkan oleh Koordinator Keusahawanan (C). Pelajar yang berdaftar boleh menjalankan perniagaan di dalam kampus semasa di dalam pengajian setelah perbincangan bersama pelajar diadakan (A). **(Rujuk Bukti 1: Pendaftaran pelajar yang telah disahkan dalam sistem MyEnt)**

FPHP menggalakkan pelajar memohon pembiayaan melalui program sedia ada bagi memastikan pelajar menerima pembiayaan atau modal permulaan untuk projek atau perniagaan mereka. Koordinator Keusahawanan bertanggungjawab mear-warkan Program *Grant Final Tech-Create* (Pride) 5.0 kepada pelajar yang telah berdaftar dengan MyEnt (P). Dua kumpulan pelajar telah dikenalpasti untuk turut serta dalam Grant Final Tech-Create (Pride) 5.0 2022 (D). Pelajar ini membuat pembentangan perniagaan (pitching) semasa program tersebut dan terpilih sebagai pemenang (C). Setelah itu, perbincangan bersama pelajar berkenaan penggunaan pembiayaan yang diperoleh telah dijalankan (A) **(Rujuk Bukti 2: Penglibatan pelajar dalam pertandingan dan perolehan dana)**. FPHP juga telah mear-warkan kepada pelajar untuk mendapatkan pembiayaan dari bank tempatan (P). Seorang pelajar, Nurul Izzah Natasha Bt Mohd Anuar yang telah pun menjalankan perniagaan dikenalpasti (D). Beliau telah berjaya memperoleh pembiayaan modal awal sebanyak RM 3,000 dari Bank Rakyat (C). Hasil perbincangan bersama pelajar adalah untuk mengembangkan perniagaan menggunakan pembiayaan yang diperoleh (A) **(Rujuk Bukti 2: Penglibatan pelajar dalam pertandingan dan perolehan dana)**.

Dalam memastikan Fakulti menjalin hubungan baik dengan pihak industri, FPHP telah merancang menjalankan sesi perkongsian ilmu bersama pihak industri (P). Asia Mex Concepts Sdn Bhd, syarikat Dolly Dim Sum, iaitu rakan MOU bersama FPHP telah dikenalpasti. Cik Lim Meng Lu, Pengarah Urusan telah dijemput sebagai penceramah (D). Segala persiapan berkenaan dengan webinar telah dijalankan bersama pelajar dari kursus Management for Foodservice Organizations (HT683) (C). Webinar telah dijalankan pada 21 Jun 2022 dan 147 peserta dari kalangan pelajar dan staf turut serta dalam sesi tersebut (A) **(Rujuk Bukti 3: Program bersama rakan MOU)**.

Selain itu, FPHP melibatkan pelajar di dalam program inovasi dan teknologi, Fakulti menjalankan program Pastry, Coffee & Chat bagi memberi peluang kepada pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan dan menginovasikan produk pastri. Perancangan program, modal pembelian bahan mentah, penghasilan resepi dan hebahan program dijalankan oleh pelajar (P). Seramai 71 orang pelajar terlibat dalam menghasilkan berbagai produk pastri yang berbeza (D). Para pelajar ini mengutip hasil jualan dan menghantar laporan jualan sebagai rujukan dan penilaian program (C). Program ini dijalankan di Dewan Sri Alam, Hotel UiTM Puncak Alam (A) **(Rujuk Bukti 4: Program inovasi dan teknologi)**.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_O01\\_OB03\\_20231\\_6.3.1 Pendaftaran pelajar yang telah disahkan dalam sistem](#)

[MyEnt.pdf](#)

2. [F0067\\_O01\\_OB03\\_20232\\_6.3.2 Penglibatan pelajar dalam pertandingan dan perolehan dana.pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB03\\_20233\\_6.3.3 Program bersama rakan MOU.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB03\\_20234\\_6.3.4 Program inovasi dan teknologi.pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB03\\_20235\\_Vendor Holistic Week 2022.pdf](#)

## PEMBELAJARAN (LEARNING)\*

### 6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Bagi mendapatkan hasil yang selaras dengan visi GRU2025 UiTM iaitu menjadikan UiTM sebuah universiti terkemuka dunia dalam bidang Sains, Teknologi, Kemanusiaan dan Keusahawan, 10 objektif menjadi rujukan FPHP bagi mendapat tempat di *QS World Ranking*. Fakulti menjangkakan lebih banyak aktiviti yang akan dilaksanakan melalui program MoU dan usahawan di peringkat tinggi.

Bagi menjamin kelestarian bidang jaringan industri dan keusahawan (JI&K) ini, sistem pengurusan dan operasi data FPHP telah dinaiktaraf dengan menggunakan sistem yang terkini. Antara sistem yang digunakan untuk pemantauan adalah **SMART** dan **PRIME (Rujuk Bukti 1: Sistem SMART & PRIME)** yang diperkenalkan oleh pihak ICAN. Kini capaian data maklumat mengenai hala tuju dan panduan daripada Perancangan Strategik (PS) dapat disalurkan kepada warga PTJ dan pemegang taruh secara berterusan dengan cepat, selamat dan terkawal menerusi laman sesawang dan juga media sosial yang terpilih (*Facebook, Instagram, Tiktok*) dan diuruskan oleh pihak pentadbiran FPHP

FPHP menjalankan pemantauan terus inisiatif strategik jaringan industri dan keusahawan selari dengan objektif kebersamaan iaitu FPHP *Inclusiveness and Togetherness* (FIT) dari masa ke semasa untuk mencapai Prestasi Indeks (PI) yang maksimum. Bagi bidang jaringan industri, pengumpulan pelaporan MoU/MoA adalah menggunakan platform **SMART** dan juga pelaporan terus ke Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Selain itu, pemantauan bagi setiap inisiatif strategik jaringan industri adalah dijalankan secara berkala melalui Mesyuarat Pengurusan FPHP (**Rujuk Bukti 2: Minit mesyuarat pelaporan bahagian PJI 2022**) dan juga Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKPS 2022) (**Rujuk Bukti 3: Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan 2022**) bagi menjamin kelestarian pencapaian. Di dalam mesyuarat ini, bahagian jaringan industri dan keusahawan akan membentangkan laporan inisiatif strategik dan dibincangkan bersama ahli mesyuarat bagi memastikan perancangan selari dengan Objektif Kebersamaan (OK).

Bagi pemantauan bidang keusahawan, cara pemantauan inisiatif strategik adalah dengan menyediakan laporan bagi pencapaian bagi setiap PI kepada Timbalan Naib Canselor Keusahawan melalui emel pelaporan rasmi dan pelaporan bersemuka (**Rujuk Bukti 4: Emel Pelaporan dan Pemantauan Keusahawan Oct & Nov 2022**). Laporan berkala dihantar setiap bulan untuk memastikan kemajuan adalah berterusan dan tercapai. Selain itu, pemantauan bidang keusahawan secara atas talian turut dilakukan bagi setiap suku tahun kepada TNC Keusahawan.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20231\\_6.4.1.1 Sistem SMART dan PRIME.pdf](#)
2. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20232\\_6.4.1.2 Minit Mesyuarat Pelaporan Bahagian PJI 2022-MINIT MESYUARAT JK PENGURUSAN FPHP 2022.pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20233\\_6.4.1.3 Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20234\\_6.4.1.4 Emel Pelaporan \\_Pemantauan Keusahawan Oct\\_Nov2022.pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20235\\_FACEBOOK FPHP.pdf](#)

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko adalah suatu proses yang sangat penting dalam pengurusan operasi. Risiko yang berkaitan dengan aktiviti dalam projek utama diidentifikasi, dinilai dan dikawal bagi memastikan kejayaan dan pencapaian objektif kualiti pada tahap yang optimum. Objektif yang dimaksudkan adalah Objektif Kebersamaan (OK).

OK: Memperkasa FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) pemegang taruh dalam jaringan industri dan keusahawanan untuk menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian kecemerlangan FPHP.

Pihak Pengurusan Kanan FPHP telah mengenal pasti risiko bagi *Smart Partnership* program adalah (i) Penglibatan pelajar dan staf dalam program *21 Hours with the Industry* (ii) Ketidakhadiran pihak industri dalam program yang dijalankan (iii) Kekangan peruntukan untuk menjayakan program yang dijalankan, dan (iv) Kurang kepakaran dari pihak industri untuk memantau pelajar latihan industri. Manakala, *Hotcatpreneur* menghadapi risiko (i) Kurang keyakinan pelajar untuk memberi komitmen dalam aktiviti keusahawanan (ii) Kurang tenaga kerja dalam pelaksanaan dan pemantauan program (iii) Pelajar dan staf kurang berminat dengan aktiviti keusahawanan.

Setelah risiko diidentifikasi, langkah seterusnya adalah menilai sejauh mana risiko tersebut dapat mempengaruhi PI yang telah ditetapkan. Penilaian ini dilaksanakan melalui perbincangan bersama Pengurusan dalam bengkel perancangan strategik (*Strategic Action Plan - SPA*) yang diadakan pada setiap akhir tahun. Justeru itu, beberapa inisiatif telah diambil oleh Pengurusan Kanan FPHP dalam meminimakan risiko yang berkaitan dengan operasi mengikut prestasi indeks (PI) yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU).

Antara kaedah yang digunakan untuk mengatasi risiko dalam program *Smart Partnership* ialah (i) Mewajibkan pelajar tahun akhir menghadiri program *21 hours with the Industry* dan Kehadiran staf dikira dalam jam latihan dan diberi sijil kehadiran (**Rujuk Bukti 1**); (ii) Menjalankan program secara hibrid; (iii) Mendapatkan tajaan dan sumbangan pihak industri; dan (iv) Lawatan pemantauan pelajar menjalani latihan industri (**Rujuk Bukti 2**).

Manakala, inisiatif yang telah dilaksanakan bagi mengatasi risiko dalam menjayakan projek *Hotcatpreneur* adalah seperti berikut: (i) Aktiviti keusahawanan pelajar melalui projek Pastry, Coffee & Chat dan Rak Keusahawanan Pelajar (**Rujuk Bukti 3**). (ii) Lantikan Mentor Keusahawanan dikalangan pensyarah bagi memantau aktiviti keusahawanan pelajar (**Rujuk Bukti 4**). (iii) Perkongsian kejayaan alumni sebagai usahawan (**Rujuk Bukti 5**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20231\\_6.4.2.1 Laporan 21 Hours with the Industry 12022.pdf](#)
2. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20232\\_6.4.2.2 Lawatan Latihan Industri.pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20233\\_6.4.2.3 Program Pastry, Coffee & Chat.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20234\\_6.4.2.4 Mentor Bazaar Raya.pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20235\\_6.4.2.5 Laporan 21 Hours With the Industry 22022 \(Food for Thought-How to be A Successful Food Entrepreneur\).pdf](#)

### 6.4.3 MENGENAL SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kaedah mengkaji semula dan tindakan penambahbaikan dalam jaringan industri dan keusahawanan melibatkan langkah-langkah untuk menilai prestasi dan keberkesanan jaringan serta mengambil tindakan untuk memperbaikinya. Ini termasuk penilaian prestasi, kaji selidik dan tindakan. Kaedah-kaedah ini membantu mengenal pasti masalah dan peluang dalam jaringan industri dan keusahawanan, serta merancang dan melaksanakan tindakan yang sesuai untuk mencapai objektif yang diinginkan. Penilaian ini dilaksanakan melalui perbincangan bersama pengurusan FPHP dalam Mesyuarat MKSP dan juga Bengkel perancangan strategik FPHP (**Rujuk Lampiran Bukti 1: Minit MKSP 2022**).

#### Tindakan Jaringan Industri

(**Rujuk Lampiran Bukti 2: Laporan MKSP FPHP PJI 2022 dan Bukti 3: Slide MKSP Jaringan Industri**)

Antara penambahbaikan proses kerja bagi setiap bidang berkaitan Jaringan industri adalah:

- FPHP mengambil tindakan dengan menetapkan KPI yang tercapai boleh digunakan oleh staf bagi kemasukan di sistem MyATP iaitu seorang setiap staf perlu mempunyai terbitan corresponding author.
- FPHP menggembeng aktiviti penyelidikan dan penerbitan berimpak tinggi melalui program FRIWS2022, pementoran dan penyeliaan bersama Emerald Ambassador ini adalah berfokus pada keterlihatan secara berimpak tinggi dan percuma dalam penebrihan pelancongan dan hospitaliti.
- Fokus FPHP lebih terarah kepada pemerolehan geran penyelidikan nasional dan geran konsultasi bersama MOTAC.
- Pejabat TDPJI telah membuat sesi libat urus bersama KPP untuk memastikan pemberian markah diberi secara telus dan bersasar bagi setiap staf.
- Fakulti telah memwujudkan geran penyelidikan dalaman fakulti iaitu VRGS ini bagi memberi peluang kepada staf membuat penerbitan.

#### Tindakan Keusahawanan

(**Rujuk Lampiran Bukti 4: Laporan MKSP FPHP Keusahawanan dan Bukti 5: Slide MKSP Keusahawanan 2022**)

Antara penambahbaikan proses kerja bagi setiap bidang berkaitan Keusahawanan adalah:

- Mewajibkan pelajar mendaftar di MYENT untuk setiap aktiviti perniagaan secara kursus (Subjek) atau persendirian. Hebahkan melalui sosial media dilakukan dan taklimat keusahawanan turut diadakan semasa PDS.
- Mewujudkan platform pendaftaran atas talian bagi staf yang mempunyai latar belakang kemahiran keusahawanan. Mewujudkan kursus keusahawanan untuk staf yang berpotensi serta melantik mentor keusahawanan dalam setiap aktiviti atau pertandingan keusahawanan pelajar.
- Mengenal pasti pelajar yang berpotensi pada tahun pertama untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan.
- Memastikan kolaborasi bersama industri yang diadakan mempunyai dokumen MOU/MOA/LOI ataupun surat lantikan.
- Memastikan RP bagi subjek keusahawanan menerapkan elemen inovasi dan teknologi dalam penghasilan produk jualan.

**SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20231\\_6.4.4.1 Minit MKSP 2022.pdf](#)
2. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20232\\_6.4.4.2 Laporan MKSP FPHP PJI 2022 .pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20233\\_6.4.4.3 Slide MKSP Jaringan Industri.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20234\\_6.4.4.4 Laporan MKSP FPHP Keusahawanan .pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20235\\_6.4.4.5 Slide MKSP Keusahawanan 2022.pdf](#)

## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Bagi memastikan PI tercapai dan integrasi program jaringan industri serta program keusahawanan berjalan secara efektif dan relevan yang dilaksanakan oleh PJI hendaklah tidak tersasar dan mengutamakan kepada kepada pemegang taruh iaitu pensyarah, pelajar dan organisasi luar. Semua program yang dirancang serta pelaksanaan oleh PJI seperti Memorandum Persefahaman (MoU) FPHP bersama industri universiti luar negara (**Rujuk Bukti 1: Laporan MoU FPHP 2019-2022**) serta program *21 Hours with the Industry* termasuk aktiviti keusahawanan yang menggunakan model *Plan, Do, Check, Action* (PDCA) di dalam proses kerja utama bagi setiap projek yang dirancang di bawah unit keusahawanan (MASMED) telah berjaya menempatkan FPHP di kedudukan yang amat memberangsangkan dan membanggakan sekaligus meletakkan visibiliti FPHP khususnya dan UITM umumnya berada di *QS World Ranking* yang terbaik (**Rujuk Bukti 2: QS World Ranking**).

Usahasama FPHP bersama rakan strategik dari industri Perhotelan, Pelancongan, Perkhidmatan Makanan dan Universiti Antarabangsa serta Universiti Tempatan telah memberikan impak yang positif menjamin kebolehpasaran graduan dan kelestarian kecemerlangan FPHP. Dengan itu, adalah penting PJI memastikan penambahbaikan berterusan dan inovasi telah dilaksanakan berdasar Pencapaian PI FPHP (**Rujuk Bukti 3: Pencapaian PI FPHP 2022**) yang masih relevan dan dapat mencapai satu objektif penting, iaitu Objektif Kebersamaan (OK): Memperkasakan FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT). Oleh itu, berdasar pelaporan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) FPHP (**Rujuk Bukti 4: Minit Mesyuarat MKSP 2020-2022**) membolehkan PJI merancang kehadiran inisiatif strategik program jaringan industri dan program keusahawanan yang berimpak tinggi setara di peringkat tempatan dan antarabangsa yang memberi manfaat khususnya kepada pemegang taruh FPHP.

Hasilan dari pelbagai program yang telah dijalankan oleh PJI menempatkan FPHP dalam persepsi yang baik dan memuaskan kepada semua pemegang taruh dan berjaya meletakkan FPHP di kedudukan yang baik di *QS World Ranking* telah dikongsi bersama seluruh warga FPHP melalui perjumpaan *Town Hall* FPHP dan laman sosial rasmi FPHP (**Rujuk Bukti 5: Jemputan Town Hall FPHP dan laman sosial rasmi FPHP**) setiap semester dan juga dikongsi melalui laman sosial rasmi FPHP. Dengan ini, diharapkan kesinambungan integrasi jaringan industri dan keusahawanan FPHP yang dizahirkan melalui program-program yang telah dilaksanakan berdasar PI yang ditetapkan dapat mencapai objektif berdasar Perancangan Strategik UiTM *Global Renowned University* (GRU) 2025.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [F0067\\_O01\\_OB05\\_20231\\_6.5.1 Laporan MoU FPHP 2019-2023.pdf](#)
2. [F0067\\_O01\\_OB05\\_20232\\_6.5.2 QS World Ranking.pdf](#)
3. [F0067\\_O01\\_OB05\\_20233\\_6.5.3 Pencapaian PI FPHP 2022.pdf](#)
4. [F0067\\_O01\\_OB05\\_20234\\_6.5.4 Minit Mesyuarat MKSP 2020-2022.pdf](#)
5. [F0067\\_O01\\_OB05\\_20235\\_6.5.5 Jemputan Townhall FPHP dan Laman Sosial Rasmi FPHP.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Pencapaian perancangan strategik dan Ranking FPHP

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan strategik (PS) FPHP yang digerakkan oleh Pengurusan FPHP meletakkan konsep FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) dalam memacu Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K). Pelbagai inisiatif dan usaha dijayakan warga FPHP dalam mencapai PI melibatkan penyelidikan, penerbitan, jaringan industri, komuniti, alumni (ICAN), keusahawanan dan *Ranking Champion*. Bersandarkan Objektif Kebersamaan (OK) yang memfokuskan kepada pemeraksanaan konsep FIT, komitmen dari warga FPHP dan pemegang taruh industri dipacu untuk menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian kecemerlangan FPHP.

Setiap PI yang diletakkan UiTM telah dianalisa dan FPHP telah memformulasi langkah strategik dan inovatif dalam memastikan pencapaian PI yang cemerlang. Mengambil kira pemulihan sepenuhnya operasi fakulti rentetan dari pandemik COVID19, FPHP telah mengambil tindakan penambahbaikan yang drastik dalam meningkatkan lagi prestasi JI&K yang terjejas dua tahun lepas. Hasilnya terdapat peningkatan dalam pencapaian PI fakulti pada tahun 2022.

PS FPHP yang berpusat kepada peningkatan produktiviti bersasar telah menyaksikan penambahbaikan dalam beberapa bidang tumpuan. Antaranya peningkatan dalam penerbitan seperti jumlah penerbitan berindeks (prosiding konferens dan jurnal Scopus/WoS), jumlah penerbitan buku dan jumlah penerbitan berindeks (kolaborasi dengan industri dan universiti). Di bawah penyelidikan, terdapat penambahbaikan dari segi jumlah penyelidik utama untuk geran penyelidikan (geran nasional) dan pengurangan denominator potensi. Di bawah ICAN pula menyaksikan penambahbaikan dari segi jumlah Memorandum of Understanding (MoU), program *Knowledge Transfer* (KTP) dan *University Socially Responsibility* (USR) yang memberi impak bukan sahaja kepada pelajar FPHP malah komuniti. Dibawah keusahawanan (MASMED) pula, FPHP menerima kolaborasi keusahawanan bersama industri dan peningkatan pelajar menjalankan aktiviti keusahawanan.

Rata-rata pencapaian dibawah JI&K menunjukkan tren positif. Kesemua pencapaian ini menyumbang kepada penarafan cemerlang UiTM dalam *QS World Ranking* dalam bidang *Leisure and Hospitality Management* pada tangga ke-42 di dunia bagi tahun 2022. Seterusnya, memperkukuhkan lagi kedudukan UiTM yang diiktiraf sebagai kedua teratas di negara ini oleh *Times Higher Education Impact Ranking 2022*.

#### **7.1.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H1\\_F0067\\_HB02\\_20231\\_TAHAP PERANCANGAN STATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H1\\_F0067\\_HB03\\_20232\\_TREN PERANCANGAN STATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H1\\_F0067\\_HB04\\_20233\\_PERBANDINGAN PERANCANGAN STATEGIK.pdf](#)

#### **7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H1\\_F0067\\_HB05\\_20234\\_KEPENTINGAN PERANCANGAN STATEGIK.pdf](#)





## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Keberkesanan Operasi FPHP

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Konsep FPHP *Inclusiveness & Togetherness* (FIT) dalam mendokong Jaringan Industri dan Keusahawanan (JI&K) telah diterjemahkan dalam dua projek arus perdana iaitu *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* sebagai asas operasi fakulti dalam mencapai sasaran PS FPHP 2025. Bersandarkan kepada Objektif Kebersamaan (OK): Memperkasakan FIT pemegang taruh dalam jaringan industri dan keusahawanan hasil cetusan Pengurusan Kanan FPHP, warga fakulti dan pemegang taruh komited dalam melaksanakan aktiviti dan inisiatif yang dirancang bagi menjamin kebolehpasaran graduan serta kelestarian kecemerlangan FPHP. Konsep FIT melalui agenda *Smart Partnership* dan *Hotcatpreneur* dilihat telah direalisasikan dengan jayanya pada tahun 2022.

Agenda keusahawanan FPHP, *Hotcatpreneur* dan *HOTCATS-IID*. di bawah kelolaan Koordinator MASMED (Pengurus Projek) fokus kepada menggembelng aktiviti keusahawanan dalam kalangan warga FPHP terutamanya pelajar dan pensyarah. Pelbagai aktiviti dan inisiatif dirancang di selari dengan OK FPHP untuk mengembangkan kemahiran keusahawanan warga fakulti FPHP. Walaupun *Hotcatpreneur* dan *HOTCATS-IID* telah bermula beberapa tahun yang lepas. Koordinator MASMED melihat tahun 2022 mampu memberi anjakan aktiviti keusahawanan yang memberikan pulangan yang lebih tinggi berikutan kepulangan kesemua pelajar ke kampus. Seterusnya, program Mentor Keusahawanan bertumpukan kepada pensyarah dengan berlatar belakang keusahawanan bertindak sebagai penasihat kepada pelajar untuk melibatkan diri dalam dua bidang iaitu jualan dan inovasi produk. Tidak dilupakan peranan rakan industri yang terkemuka seperti Asia Mex Concepts Malaysia (Restoren Dolly Dimsum) dalam perkongsian ilmu dan kolaborasi keusahawanan. Agenda keusahawanan ini bukan sahaja dijalankan di fakulti, malah pelajar didedahkan kepada operasi perniagaan bersama rakan industri di premis-premis perniagaan. Agenda keusahawanan juga diplotkan dibawah beberapa kursus seperti *Culinary Creation* (HTC585) untuk menggalakkan penyampaian kursus yang lebih efektif dimana satu program jualan hasil pastri telah diadakan. Hasilnya, jumlah pelajar terlibat dalam aktiviti keusahawanan juga meningkat dan beberapa pelajar FPHP telah mendapat pengiktirafan dalam pertandingan keusahawanan yang disertainya.

Aspirasi FIT FPHP juga telah direliasasikan menerusi agenda *Smart Partnership* dibawah pemantauan Koordinator ICAN (Pengurus Projek). Antara projek utama di bawah agenda *Smart Partnership* adalah *21 Hours with the Industry* dan *Alumnus Knocking the Door*. Bersandarkan kerjasama strategik di antara FPHP dan rakan industri, FPHP menumpukan Memorandum Persefahaman (MoU) pemain industri terkemuka dalam usaha meningkatkan lagi aktiviti perkongsian ilmu, kepakaran warga fakulti. Bertepatan dengan konsep *Inclusive & Togetherness*, kolaborasi dengan pihak komuniti juga dijalankan untuk membantu komuniti sekaligus merapatkan hubungan warga FPHP dan komuniti. Konteks program bersama komuniti bertumpukan kepada perkongsian ilmu dan kepakaran seterusnya memberikan input dua hala warga FPHP dan komuniti. Kepakaran warga FPHP terus diberi kepercayaan oleh Tourism Malaysia dengan kejayaan Program Perdana Secara Projek Pendek yang memberi peluang kepada professional di Tourism Malaysia untuk melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

Implementasi agenda-agenda di bawah JI&K untuk konsep FIT direncanakan Pengurusan Kanan FPHP ternyata menyumbang kepada impak jangka masa panjang warga FPHP. Dari sudut pelajar, penglibatan dalam program ini menyumbang kepada kecemerlangan modal insan dan menjamin kebolehpasaran graduan. FPHP juga menerima pelbagai manfaat dari segi

meningkatkan ketampakan fakulti di peringkat nasional dan antarabangsa. Secara tidak langsung, ia menyumbang kepada skor *QS World University Rankings by Subject (Hospitality and Leisure)* dan menyokong kedudukan UiTM di *The Times Higher Education World University Ranking*.

#### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_F0067\\_HB02\\_20231\\_TAHAP SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_F0067\\_HB03\\_20232\\_TREN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_F0067\\_HB04\\_20233\\_PERBANDINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

#### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_F0067\\_HB05\\_20234\\_KEPENTINGAN SUMBER MANUSIA.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Kecemerlangan Sumber Manusia

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Dengan 88 staf akademik dan 56 staf pentadbiran dan sokongan, Pengurusan Kanan FPHP telah mengambil inisiatif proaktif dalam mencapai kecemerlangan yang berterusan, khususnya di dalam bidang penyelidikan, jaringan industri serta keusahawanan. Usaha menaikkan ketampakkan fakulti serta universiti adalah tanggungjawab bersama warga FPHP. Kerjasama yang erat serta sokongan pihak pengurusan yang menitikberatkan aspirasi FIT (FPHP *Inclusiveness & Togetherness*) telah berjaya meletakkan FPHP di kedudukan ke-42 di dalam *QS World University Ranking by Subject (Hospitality & Tourism)* di kalangan universiti terbaik dunia.

Usaha ini melibatkan penekanan terhadap perkembangan kepakaran dalam bidang tertentu untuk meningkatkan kedudukan FPHP dalam ranking subjek. Tambahan pula, pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang memberi fokus kepada perkembangan kemahiran pekerjaan telah membuka peluang kepada kadar kebolehpasaran graduan yang lebih tinggi. Usaha ini telah menghasilkan pencapaian yang memberangsangkan, hasil daripada hubungan rapat antara FPHP dan industri rakan strategik, baik di dalam mahupun di luar negara.

Kejayaan FPHP menjadi di kalangan yang terbaik dunia tidak akan tercapai tanpa hubungan baik di antara tenaga pakar FPHP bersama pemegang taruh. Kepakaran yang ada di FPHP di optimumkan melalui pemeteraian *Memorandum of Understanding (MoU)* bersama industri, aktiviti perundingan, dan aktiviti bersama komuniti setempat. Kepakaran warga FPHP juga digunakan bagi menjayakan pelbagai aktiviti keusahawanan pelajar. Aktiviti keusahawanan serta program bersama industri telah berjaya meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan FPHP dari 86.1% ke 92.6%.

Pengurusan Kanan FPHP juga mementingkan pengurusan sumber manusia yang mapan. Warga FPHP digalakkan untuk sentiasa meningkatkan kemahiran dan produktiviti melalui latihan dalaman dan latihan yang dianjurkan oleh pihak UiTM. Dengan pengurusan sumber manusia yang efisien, FPHP berjaya membina kerjasama yang erat bersama pihak berkepentingan serta meningkatkan ketampakan PTJ dimata negara dan dunia. Melalui pendekatan ini, pengurusan sumber manusia menjadi antara pendorong utama dalam merangka langkah ke arah pencapaian taraf Universiti Terkemuka Global pada tahun 2025.

#### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_F0067\\_HB02\\_20231\\_TAHAP OPERASI.pdf](#)

#### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_F0067\\_HB03\\_20232\\_TREN OPERASI.pdf](#)

#### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_F0067\\_HB04\\_20233\\_PERBANDINGAN OPERASI.pdf](#)

#### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_F0067\\_HB05\\_20234\\_KEPENTINGAN OPERASI.pdf](#)

